



UNIVERSITI  
M A L A Y A

LAPORAN TAHUNAN  
UNIVERSITI MALAYA  
**2018**







## RASIONAL KULIT BUKU

Tema Rekabentuk Laporan Tahunan Universiti Malaya 2018

Cokmar yang merupakan lambang kuasa Universiti Malaya telah dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16 Jun 1962 bersempena pelantikan Canselor pertama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Cokmar yang berukuran 55 inci panjang dan seberat 40 paun ini telah direkabentuk oleh Encik Mohamed Abu Bakar bin Saman dan diperbuat daripada perak Kelantan oleh Encik Ibrahim bin Ismail, tukang perak di Kota Bharu, Kelantan. Di pangkal obornya terukir perkataan "Universiti Malaya" dan di bawahnya terdapat lencana kebesaran negeri-negeri dalam bekas Persekutuan Tanah Melayu.

Pada batilnya terukir lencana Persekutuan Tanah Melayu, bunga raya dan lencana kebesaran Universiti untuk menunjukkan bahawa Universiti Malaya adalah Universiti Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu dahulu. Batil ini terletak di atas daun lontar yang disokong oleh empat ekor burung merpati.

Pada tongkat cokmar terukir keris, kompas, jangka sudut, roda, rajah segi tiga dan pencedok. Lambang-lambang ini menunjukkan tugas pelbagai lapangan penyelidikan saintifik dan pendidikan di Universiti. Bidang persuratan dilambang oleh daun lontar. Tongkat yang terletak di atas sebuah batil bunga yang disokong oleh lebah dalam sarang melambangkan harapan Universiti untuk terus kukuh dan bertambah kaya dengan ilmu pengetahuan.

# Kandungan

1. LATAR BELAKANG .....	iii
2. MAKLUMAT KORPORAT .....	vii
3. KATA-KATA ALUAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI .....	20
4. LAPORAN NAIB CANSELOR .....	24
5. PENGURUSAN KUALITI .....	32
6. AKADEMIK .....	36
7. PENYELIDIKAN DAN INOVASI .....	52
8. PENGANTARABANGSAAN DAN JALINAN GLOBAL .....	68
9. PEMBANGUNAN SOSIAL .....	74
10. TANGGUNGJAWAB SOSIAL .....	80
11. KELESTARIAN KAMPUS .....	86
12. KEWANGAN .....	92



# 01

## LATAR BELAKANG

- Visi .....
- Misi .....
- Nilai - Nilai Teras .....
- Polisi Kualiti .....
- Piagam Pelanggan .....
- Matlamat Pendidikan .....
- Selayang Pandang .....

## Visi

Untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

## Misi

Untuk memajukan ilmu pengetahuan dan pembelajaran melalui penyelidikan dan pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

## Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Keber tanggungjawaban
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

## Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

## Piagam Pelanggan

Kami komited untuk:

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber tercanggih untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantarabangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

## Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk:

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajaran mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk mengurus maklumat, untuk mencapai kepelbagaiannya matlamat profesional selaras dengan piawaian profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.
- Melibatkan diri dalam pembangunan kendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.
- Berkommunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain, masyarakat dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.
- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikiran terbuka, keber tanggungjawaban, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.



# Selayang Pandang

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949, menggabungkan King Edward VII College of Medicine (ditubuhkan pada 1905) dan Raffles College (ditubuhkan pada 1928).

Penubuhannya menjadi pamacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan yang memiliki autonomi mereka sendiri, yang terletak di Kuala Lumpur dan Singapura, pada tahun 1959. Bagi memperkuatkan pendidikan tinggi di kedua-dua negara, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti awam. Dengan lulusnya Akta Universiti Malaya pada tahun 1961 oleh Parlimen, UM telah diiktiraf sebagai universiti awam di Malaysia.

UM yang dikenali pada hari ini, secara rasminya diiktiraf sebagai universiti awam untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awalnya untuk menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, UM terus melipatgandakan usahanya bagi menjayakan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajaran tinggi ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Dalam menjayakan wawasan murni ini, UM ditunjang oleh dua akademi, dua belas fakulti, tiga institut dan tiga pusat akademik yang merangkumi bidang perubatan, sains,

teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. UM juga mempunyai hospital pengajaran yang pertama dan terbesar di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Selain daripada itu, dalam usahanya memangkin penemuan dan perkembangan ilmu, Kluster Penyelidikan telah diwujudkan. Penubuhan kluster ini menawarkan penemuan terbaharu dan penyelesaian terkini dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkuatkan dengan perubahan pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajaran. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunggak usaha UM dalam menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Berpegang utuh dengan aspirasi nasional, UM terus memantap dan memperkuatkan kedudukannya dalam dunia akademik, baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. UM berjaya menempatkan dirinya dalam kalangan 100 universiti terbaik dunia apabila berada pada kedudukan ke-87 dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2018/2019. Bagi QS Asia University Rankings 2018/2019 pula, UM berada pada kedudukan ke-19. Selain itu, tujuh subjek di UM turut tersenarai dalam kelompok 50 terbaik dunia oleh QS World University Rankings by Subject 2018, iaitu *Library & Information Management, Electrical &*

*Electronic Engineering, Development Studies, Mechanical, Aeronautical & Manufacturing Engineering, Chemical Engineering, Civil & Structural Engineering dan Mineral & Mining Engineering.*

Tidak pernah alpa dengan segala pencapaian yang ada, UM terus memperkuuhkan kedudukannya dengan meraih pelbagai pengiktirafan antarabangsa, antaranya:

- berada di kedudukan kelompok 301-350 bagi Times Higher Education (THE) World University Rankings 2018/2019, kedudukan ke-46 untuk THE Asia University Rankings 2018 serta kedudukan ke-27 untuk THE Emerging Economies University Rankings 2018;
- berada di kedudukan ke-236 bagi University Ranking by Academic Performance (URAP) 2018-2019 World Ranking;
- berada dalam kelompok 301-400 universiti terbaik dunia di Academic Ranking of World Universities (ARWU) 2018;
- berada di kedudukan ke-36 terbaik dunia, ke-4 di Asia dan ke-6 bagi Latar Kampus di Pusat Bandar dalam UI GreenMetric World University Rankings 2018 berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar; dan
- berada di kedudukan ke-399 di dunia serta di kedudukan ke-60 di Asia dalam Ranking Web of Universities (Webometrics) 2018 (*July Edition*).

Kesemua pencapaian dan pengiktirafan yang diterima jelas menobatkan UM sebagai universiti terbaik di Malaysia dan antara terbaik di pentas dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1949, UM telah berjaya melahirkan kira-kira 195,000 modal insan di negara ini. Antara pemimpin dan ikon yang telah dilahirkan oleh UM adalah YAB Tun Dr. Mahathir Mohammad (Perdana Menteri), YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (Mantan Perdana Menteri), YB Dato' Seri Anwar Ibrahim (Mantan Timbalan Perdana Menteri), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Mantan Gabenor Bank Negara Malaysia), YBhg. Tan Sri Dr. Lim Wee Chai (Pengerusi Eksekutif Top Glove Corporation Bhd.), YBhg. Datuk Profesor Dr. Harith Ahmad (Profesor Ulung Negara), Tan Sri Profesor Emeritus Khoo Kay Kim (Sejarawan Negara), Allahyarham Datuk Sudirman Hj. Arshad (Seniman Negara), YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah (pakar motivasi), YBhg. Datuk Aznil Haji Nawawi (personaliti televisyen), Cheryl Samad (personaliti televisyen), Pandelela Rinong Anak Pang (atlet terjun Negara dan pemenang Olimpik), Shalini Zulkifli (bekas jaguh boling Negara) dan ramai lagi tokoh tersohor negara.

Sebagaimana tradisi dan amalan universiti-universiti antarabangsa yang lain, UM turut komited dan cemerlang dalam menjalinkan usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dunia di 68 buah negara. Antara universiti ternama antarabangsa yang menjalinkan kerjasama secara aktif dengan UM adalah:

- Massachusetts Institute of Technology
- University of Michigan
- Centre National de la Recherche Scientifique
- University of Birmingham
- Tsinghua University
- The Australian National University
- Kyoto University
- Indian Institute of Technology Bombay
- National University of Singapore
- Institut Teknologi Bandung
- Sabanci University

Bagi memastikan kurikulum akademiknya menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, UM telah berjaya memperoleh akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Di peringkat nasional, kesemua program akademik di UM memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional tempatan. Di peringkat antarabangsa pula, antara institusi dan badan profesional yang memberikan akreditasi kepada UM adalah Washington Accord, Institution of Chemical Engineers, Royal Institution of Chartered Surveyors, Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects, Association of Chartered Certified Accountants, Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practicing Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England, Institute of Physics and Engineering in Medicine, Association of MBAs, Association to Advance Collegiate Schools of Business, Royal Society of Chemistry dan banyak lagi. Pengiktirafan yang diterima ini membuktikan bahawa program akademik yang ditawarkan di UM bukan sahaja relevan dalam negara malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2018, UM turut menerima pengiktirafan serantau melalui penilaian institusi oleh ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA). Ini merupakan testimoni penting dan jaminan kualiti UM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berprestij dan bereputasi cemerlang di peringkat antarabangsa.

Sebagai universiti terulung di negara ini, UM akan terus meningkatkan usaha agar berada pada takuk yang lebih tinggi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang diiktiraf, dihormati dan disegani dunia.

# 02

## MAKLUMAT KORPORAT

Canselor

Pro-Canselor

Lembaga Pengarah Universiti

Pengurusan Universiti

Penolong Naib Canselor

Pegawai Utama Pusat Tanggungjawab Akademik

Penyandang Kursi Derma Kekal

Carta Organisasi

# Canselor



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan  
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah  
ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

# Pro-Canselor



◀ Toh Puan Dato' Seri  
Hajjah Dr. Aishah Ong



▲ Tan Sri Dato' Seri  
Siti Norma Yaakob




►  
Tan Sri Dato' Seri DiRaja  
Ramli Ngah Talib

# Lembaga Pengarah Universiti



## ◀ PENGURUSI

YM Tengku Datuk Dr.  
Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim



## ▶ NAIB CANSELOR

Datuk Ir. (Dr.)  
Abdul Rahim Hj. Hashim



▶ Ar. Saifuddin Ahmad


▶ Dr. Sivabalasingam  
A/L Veerasingam




◀ Encik Hoe Kah Soon



◀ Datuk Seri Panglima  
Mohd. Annuar Zaini



# Pengurusan Universiti





**PENDAFTAR**  
(Pemangku)  
Encik Mahamad  
Apandi Khalib

**KETUA PUSTAKAWAN**  
(Pemangku)  
Encik Mahbob Yusof

**BENDAHARI**  
Encik Wan Mohd Sofi  
Wan Mustapha

**TIMBALAN NAIB  
CANSELOR  
(PEMBANGUNAN)**  
Profesor Dr. Faisal  
Rafiq Mahamad Adikan

**TIMBALAN NAIB  
CANSELOR  
(HAL EHWAH PELAJAR  
& ALUMNI)**  
Profesor Ir. Dr. Abdul  
Aziz Abdul Raman

# Penolong Naib Canselor



◀ **PENOLONG  
NAIB CANSELOR  
(ANTARABANGSA)**

Profesor Madya Dr.  
Yong Zulina Zubairi



▲  
**PENOLONG  
NAIB CANSELOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim



►  
**PENOLONG  
NAIB CANSELOR  
(JARINGAN INDUSTRI &  
MASYARAKAT)**

Profesor Dr.  
Rofina Yasmin Othman


# Pegawai Utama Pusat Tanggungjawab Akademik

<b>Akademi Pengajian Islam</b> Datin Profesor Dr. Raihanah Hj. Abdullah Pengarah	<b>Fakulti Pergigian</b> Dato' Profesor Dr. Zainal Ariff Abdul Rahman Dekan	<b>Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan</b> Profesor Dr. Shakila Parween Yacob Pengarah Eksekutif
<b>Akademi Pengajian Melayu</b> Profesor Madya Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid Pengarah	<b>Fakulti Perniagaan dan Perakaunan</b> Profesor Dr. Che Ruhana Isa Dekan	<b>Institut Asia-Eropah</b> Profesor Dr. Azirah Hashim Pengarah Eksekutif
<b>Fakulti Alam Bina</b> Profesor Dr. Yahaya Ahmad Dekan	<b>Fakulti Perubatan</b> Dato' Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman Dekan	<b>Institut Pengajian Termaju</b> Profesor Dr. Zulqarnain Mohamed Dekan
<b>Fakulti Bahasa dan Linguistik</b> Profesor Madya Dr. Jariah Mohd Jan Dekan	<b>Fakulti Sains</b> Profesor Dr. Zanariah Abdullah Dekan	<b>Pusat Asasi Sains</b> Dato' Profesor Dr. Mohd Jamil Maah Pengarah
<b>Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran</b> Profesor Madya Dr. Rohana Jani Dekan	<b>Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat</b> Profesor Dr. Abrizah Abdullah Dekan	<b>Pusat Kebudayaan</b> Profesor Madya Dr. Mohd Nasir Hashim Pengarah
<b>Fakulti Kejuruteraan</b> Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman Dekan	<b>Fakulti Sastera dan Sains Sosial</b> Datuk Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken Dekan	<b>Pusat Sukan dan Sains Eksesais</b> Profesor Madya Dr. Khoo Phaik Lin Selina Pemangku Pengarah
<b>Fakulti Pendidikan</b> Profesor Dr. Rohaida Mohd Saat Dekan	<b>Fakulti Undang-Undang</b> Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Hj. Sabaruddin Dekan	


## Penyandang Kursi Derma Kekal

<b>Kursi Tunku Abdul Rahman (Fakulti Undang-Undang)</b> Profesor Emeritus Dr. Shad Saleem Faruqi Tempoh Lawatan: 2 Februari 2017 - 1 Februari 2018, 13 Februari 2018 - 12 Februari 2019	<b>Kursi Dr. Siti Hasmah Mohd Ali [Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)]</b> Profesor Dr. Noor Hayaty Abu Kasim Tempoh Lawatan: 1 September 2017 – 31 Ogos 2018	<b>Kursi Profesor Diraja Ungku Aziz (Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran)</b> Profesor Dr. Martin Ravallion Tempoh Lawatan: 17 Disember 2018 – 16 Disember 2020
<b>Kursi Perakaunan Maybank (Fakulti Perniagaan dan Perakaunan)</b> Profesor Dr. A. Rashad Abdel Khalik Tempoh Lawatan: 1 Julai 2017 – 3 Jun 2018	<b>Kursi Tun Ismail Ali (Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran)</b> Profesor Thorsten Beck Tempoh Lawatan: 21 Ogos 2017 – 20 Ogos 2018	<b>Kursi Kesejahteraan Sosial (SWRC) (Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran)</b> Profesor Robert Holzmann Tempoh Lawatan: 13 Februari 2017 – 12 Februari 2018 Profesor Dr. Naohiro Ogawa Tempoh Lawatan: 7 Mei 2018 – 6 November 2018

# Carta Organisasi



SEKSYEN AUDIT DALAM





# 03

## KATA-KATA ALUAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI





## KATA - KATA ALUAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen  
Tengku Ibrahim  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Sebelum dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaya saya pernah berkhidmat untuk tempoh hampir sebelas tahun di Universiti ini sebagai tenaga pengajar dan juga Dekan di Fakulti Kejuruteraan. Justeru, semenjak mengambil alih tugas menerajui Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 1 November 2018, saya berbangga dan berpandangan bahawa prestasi dan hala tuju Universiti Malaya (UM) memberi karakter yang paling hampir dengan dasar dan hala tuju pendidikan tinggi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hasrat KPM yang menetapkan bahawa pengajian tinggi di Malaysia adalah merupakan antara yang terbaik di dunia semakin jelas mencapai matlamatnya. Ini dibuktikan dengan penarafan UM sebagai Universiti terbaik berdasarkan penilaian oleh badan-badan penilaian antarabangsa. UM terus memperkuuhkan kedudukan di pentas global apabila menduduki tangga ke-87 universiti terbaik dunia pada tahun 2018, dan UM terus

gah di kedudukan ke-19 terbaik di Asia. UM juga terus menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dalam usaha membantu membangunkan masyarakat dan negara. Kejayaan ini bukan sahaja menjadi penggerak kepada kerjasama penyelidikan dengan pihak industri malah meningkatkan tahap pengantarabangsaan UM dalam semua aspek. Sesungguhnya saya sangat berbangga berkongsi kejayaan ini bersama warga UM.

Pada masa yang sama, saya juga melihat beberapa cabaran utama perlu diambil perhatian oleh UM untuk mengekalkan momentum sebagai pemicu kecemerlangan dalam sektor pendidikan tinggi. Sasaran Universiti untuk menjadi yang terbaik, harus juga seiring dengan tanggungjawab Universiti sebagai sebuah institusi keilmuan yang unggul. Penilaian *ranking* yang terdiri daripada pelbagai kriteria tidak seharusnya menentukan kewibawaan institusi secara mutlak, justeru UM harus menonjolkan kekuatan institusi ini sebagai yang terbaik dalam segala aspek sekaligus dapat menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara bangsa. Pendekatan ini membolehkan UM memberi fokus terhadap pelbagai isu dan cabaran yang berada di luar lingkungan dunia intelektual dan akademia sekaligus memberi kelebihan kepada UM untuk menghadapi cabaran dalam acuan dan strategi yang tersendiri. Justeru, di sinilah letaknya kewibawaan akademia dan intelektual dalam menganalisis serta membuat penilaian yang bukan sahaja mampu menzahirkan kecemerlangan universiti, tetapi impak itu diyakini, diiktiraf dan dimanfaatkan oleh negara dan pihak luar.

Selain itu, UM juga harus kekal relevan walaupun berdepan dengan cabaran yang pelbagai dan kompleks. Kemampuan institusi pada era ini adalah berkait rapat dengan pelbagai faktor sama ada dalam aspek ekonomi, teknologi, sosial dan politik. Pada ketika ini, momentum pertumbuhan ekonomi dan pasaran adalah perlahan, di samping pengagihankekayaan yang tidak seimbang mendepani cabaran persaingan ekonomi sejagat yang bersifat kompetitif dan dinamik. Dalam aspek teknologi pula, penciptaan dan rekaan dalam bidang sains dan

teknologi mewujudkan produk dan perkhidmatan baru dengan pantas yang memberi kesan kepada ketidakstabilan bekalan dan permintaan yang menyebabkan trend pasaran tidak menentu. Peningkatan komunikasi global yang terbuka adalah faktor sosial yang telah meningkatkan harapan atau *expectation* dalam kalangan masyarakat, tetapi ini tidak selalunya disertai dengan kemampuan dalam mencapai apa yang diinginkan. Dalam politik pula, proses pendemokrasi telah membolehkan masyarakat mendapat akses kepada lebih banyak maklumat, namun ini tidak memberi jaminan bahawa mereka melibatkan diri secara aktif dan inklusif dalam proses governan.

Jurang ini perlu dikenal pasti dan dianalisis oleh para intelektual dan penyelidik UM yang boleh dimanfaatkan oleh pembuat dasar demi membina negara yang lebih cemerlang. Dalam hal ini juga, saya percaya pengalaman dan latar belakang sembilan ahli LPU UM memberi nilai tambah yang tidak ternilai kepada UM dan kepada saya sendiri dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan oleh YB Menteri Pendidikan. Usaha-usaha secara kolektif juga sedang giat dijalankan bagi melonjak kepakaran UM yang mempunyai potensi yang besar dalam pelbagai bidang.

Saya percaya usaha-usaha giat LPU secara strategik ini memberi sinergi yang positif kepada Naib Canselor untuk terus menakhoda hala tuju UM ke peringkat tertinggi. Tahniah kepada warga UM dan sama-sama kita berganding bahu giatkan usaha untuk kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.



CANCELLERI

# 04

## LAPORAN NAIB CANSELOR





## LAPORAN NAIB CANSELOR

Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim

Universiti Malaya (UM) mewarnai tahun 2018 dengan pelbagai kisah kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Meskipun laluan menuju kejayaan ini berliku dan penuh pancaroba, namun iltizam dan semangat juang yang tinggi dalam kalangan warganya telah berjaya mengukuhkan jenama UM sebagai eksklusif, tersendiri dan disegani. Kejayaan UM pada hari ini adalah berkat dorongan dan sokongan tidak berbelah bahagi pihak-pihak berkepentingan seperti Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti, barisan Pengurusan Universiti, staf dan pelajar serta pihak industri dan majikan.

Sebaik diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan pada tahun 2006, UM tidak berpaling lagi dan terus bergaya mengorak langkah lebih proaktif dan inovatif melakar kejayaan dalam pelbagai sudut terutamanya pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan modal insan dan sumbangan kepada komuniti dan industri.

Pelan Strategik Universiti Malaya 2016-2020 yang digarap berpaksikan visi dan misi serta berteraskan nilai murni, menjadi rujukan asas kepada halatuju UM sehingga tahun 2020. Tujuh (7) teras utama telah digariskan

untuk memacu institusi ini mencapai sasarannya yang merangkumi akademik, pengantarabangsaan dan penjenamaan.

Tahun 2018 merakamkan kejayaan demi kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan menerobos tembok 100 Universiti terbaik dalam penarafan dunia merupakan lakaran sejarah terindah pernah terpahat untuk negara. Berdasarkan QS World University Ranking, UM memperkuuhkan kedudukannya di tangga ke-87 berbanding tangga ke-114 pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini merupakan manifestasi hasil kerja keras dan

iltizam warga kerjanya dalam menzahirkan kecemerlangan institusi ini di persada antarabangsa.

Di peringkat Asia pula, Universiti Malaya terus memperkuuhkan kedudukan apabila naik ke tangga ke-19 dari tangga ke-24 pada tahun 2017. Manakala dari segi subjek pula daripada 35 subjek yang dinilai untuk penarafan QS World University Ranking by Subject, tujuh (7) daripadanya berada di kelompok 50 terbaik dunia dan 21 subjek lagi berada di kelompok 100 terbaik dunia. 7 subjek yang berada di kelompok 50 adalah:

- *Library and Information Management* (kedudukan ke-24)
- *Electrical and Electronic Engineering* (kedudukan ke-30)
- *Development Studies* (kedudukan ke-30)
- *Mechanical, Aeronautical and Manufacturing Engineering* (kedudukan ke-41)
- *Chemical Engineering* (kedudukan ke-42)
- *Civil and Structural Engineering* (kedudukan ke-46)
- *Mineral and Mining Engineering* (kedudukan ke-47)

UM juga melangkah bergaya mengumpul 5 bintang untuk QS Star Ratings 2018.

Melalui penarafan THE World University Rankings, UM melonjak ke kedudukan di tangga ke-46 di peringkat Asia berbanding tangga ke-59 pada tahun 2017. Ini meletakkan UM dalam kelompok 301-350 di peringkat dunia berbanding dalam kelompok 351-400 pada tahun sebelumnya.

UM turut mencapai kedudukan terunggul di tangga pertama *Asia Most Sustainable University in City-Centre Setup*, ke-4 sebagai *Asia's Most Sustainable University* dan ke-36 sebagai *World's Sustainable University* di mana kesemua pengiktirafan ini dianugerahkan oleh UI Greenmetric World University Rankings 2018. Dalam Webometrics Ranking of World University pula UM berada di kedudukan ke-411 di peringkat dunia dan terunggul di Malaysia. Pada tahun 2018 juga menyaksikan UM berjaya berada dalam kelompok 301-400 daripada 1500 universiti berdasarkan penarafan yang dibuat oleh Shanghai Jiao Tong University (ARWU) 2018.

Di Malaysia, jenama Universiti Malaya tidak perlu diperkenalkan lagi apabila terus berada di kedudukan teratas dalam kalangan Universiti Awam. Melalui sistem penyetaaan Malaysia Research Assessment atau MyRA iaitu SETARA 2018, UM untuk kesekian kalinya telah menerima penarafan 6 bintang (*Outstanding*).

UM amat komited untuk mengukuhkan kedudukannya dalam sistem penarafan khususnya di peringkat dunia agar terus kekal sebagai destinasi pilihan bagi calon pelajar berpotensi dan rakan institusi dalam dan luar negara untuk mengembangkan bidang kepakaran masing-masing melalui aktiviti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Tidak dinafikan bahawa pencapaian UM ini adalah keberhasilan dari *Breaking Top 100 Initiatives*

yang telah diperkenalkan pada tahun 2017 dengan sokongan padu dari semua warga UM.

Sabtu tahun UM akan berusaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa khususnya di peringkat pascasiswazah. Tahun 2018 merekodkan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa sebanyak 36% bagi pelajar ijazah pertama dan 32% bagi pelajar ijazah tinggi. Bagi program mobiliti pelajar, jumlah pelajar *inbound* juga meningkat sebanyak 6% di mana 90 pelajar menerima biasiswa daripada institusi antarabangsa.

Pada tahun 2018 juga menyaksikan UM menjadi tuan rumah bagi *International Day for Persons with Disabilities 2018 (Inclusivity)* antara 29 Ogos 2018 hingga 1 September 2018 dan IAU 2018 International Conference antara 13 hingga 15 November 2018. Selain itu, UM turut terlibat dalam beberapa program bertaraf antarabangsa dalam usaha memastikan keterlihatan (*visibility*) UM di peringkat antarabangsa.

Bagi memastikan UM terus aktif dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi, pendanaan amat diutamakan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh warga UM untuk meningkatkan geran penyelidikan. Pada tahun 2018, geran penyelidikan yang diterima daripada dalam dan luar negara meningkat sebanyak 9.2 % berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak RM73,152,515.61 diterima di mana RM23,996,728.82 adalah merupakan geran penyelidikan antarabangsa. Pada tahun 2017, UM menerima jumlah keseluruhan geran sebanyak RM67,016,091.00, di mana RM16,601,664 atau 24% daripadanya adalah merupakan geran antarabangsa.

Bagi penerbitan pula, sebanyak 6,565 penerbitan dihasilkan di mana 39.5% atau 2,593 adalah penerbitan ISI manakala selebihnya adalah terdiri daripada Scopus dan lain-lain penerbitan. Jumlah ini agak berkurangan dibandingkan dengan jumlah penerbitan pada tahun 2017 di mana jumlah keseluruhan penerbitan adalah 7,913 (38.5% daripada adalah penerbitan ISI).

Tahun 2018 turut mencatatkan jumlah bilangan harta intelek (IPR) UM yang didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) dan UMCIC terus meningkat. Sebanyak 33 paten dianugerahkan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, manakala 36 lagi paten berjaya difailkan. Berbanding pada tahun sebelumnya di mana bilangan paten yang dianugerahkan adalah 13, sebanyak 25 paten berjaya difailkan pada tahun ini.

Hasil penyelidikan yang dikomersilkan telah berjaya mencatatkan peningkatan dalam pendapatan di mana sebanyak RM1,972.085.00 telah berjaya dijana untuk UM. Pendapatan ini diperolehi daripada UM *start-up* seperti Nano-Bio, Flexilicate, Cytrus, Zecttron dan Granatech.

UM juga prihatin dalam melunaskan amanah dan tanggungjawab sosial dengan menghasilkan penemuan-penemuan berimpak tinggi yang membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada manusia sejagat. Antaranya ialah *Haploidentical Bone Marrow Transplantation* yang telah

bermula sejak 2017. Selain daripada itu projek kerjasama penyelidikan bersama National University Singapore (NUS) juga telah berjaya meningkatkan kadar penyembuhan penyakit Acute Lymphoblastic (ALL) dalam kalangan kanak-kanak. Kolaborasi selama lebih 15 tahun di bidang leukemia kanak-kanak ini telah meningkatkan tahap penyembuhan atau *survival* pesakit dari 56% di tahun 2002 kepada paras melebihi 85% pada tahun 2018. Pemindahan teknologi sebegini juga telah membolehkan ujian diagnostik khas dijalankan di makmal Pediatric Onkologi, UM yang memberi manfaat kepada pesakit-pesakit kanker pediatrik di Malaysia. Pada bulan November 2018, usahasama kanker pediatrik antara UM dan NUS ini telah mendapat pujian khas daripada YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika lawatan beliau ke NUS.

Selain itu, pemasangan 10 kiosk solar di beberapa kawasan di Yan Kedah di bawah program Pembasmiann Kemiskinan turut memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar. Ini merupakan program gandingan kerjasama dengan agensi dan organisasi seperti Kementerian Luar Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Genius Wisdom Sdn. Bhd.

Mahasiswa merupakan generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan. Pembangunan mahasiswa menjadi satu agenda utama UM dalam usaha menghasilkan mahasiswa yang holistik dan berdaya saing serta mempunyai atribut yang diperlukan oleh negara.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas pelajar ijazah pertama semasa sesi Minggu Halausiswa 2018/2019, sebanyak 60% mahasiswa adalah dari kalangan B40 yang memerlukan sokongan untuk memastikan mereka dapat menjalani kehidupan alam kampus dengan lebih baik. Dalam usaha membantu mereka, UM telah memulakan inisiatif pemberian 100 buah laptop kepada mahasiswa tahun pertama yang kurang berkemampuan.

Pada tahun 2018, hasrat utama Universiti adalah untuk menonjolkan ciri-ciri utama DNA UM dalam kalangan pelajar. DNA ini akan menyerlahkan lagi kebolehan, kekuatan dan daya saing mahasiswa. Justeru, pelbagai peluang dan ruang diluaskan untuk menggalakkan penglibatan mahasiswa secara lebih menyeluruh di dalam kampus. Pemberdayaan mahasiswa untuk melaksanakan sesuatu inisiatif menjadi teras utama dalam memastikan mahasiswa lebih bersedia untuk menghadapi cabaran sebenar sebaik tamat pengajian. Sehubungan dengan itu, pengurusan UM telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus sesi 2018/2019 yang dianggotai oleh pelajar bagi menguruskan sendiri secara 100% proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). UM menjadi universiti awam yang pertama di Malaysia yang menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada pelajar untuk menguruskan pihak raya mereka sendiri.

Mahasiswa UM terus hebat melakar pencapaian demi pencapaian. UM berjaya merangkul Anugerah Pemimpin Sukarelawan bagi kategori Kesejahteraan Komuniti dan Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya melalui Saudara

Muhammad Madhi bin Mohd Budiman. Selain itu, UM turut memenangi Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik di dalam Pertandingan Anugerah Tokoh Siswa 2018 anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia. Kecemerlangan tidak hanya terhad di dalam negara tetapi turut melangkaui sempadan antarabangsa. Pada tahun 2018 sahaja sebanyak 20 projek kesukarelawanan telah dijalankan di peringkat antarabangsa iaitu di Kemboja, Vietnam dan Indonesia. Di peringkat kebangsaan pula, UM merekodkan sebanyak 80 projek dan aktiviti kesukarelawanan yang telah berjaya dianjurkan oleh mahasiswa UM melalui badan-badan pelajar berdaftar dan kolej-kolej kediaman.

Kecemerlangan Pasukan Debat UM yang berjaya merangkul beberapa kejuaraan pertandingan debat di peringkat kebangsaan dalam pelbagai bahasa utama turut membanggakan:

- Johan bagi Kategori Bahasa Inggeris bagi Kejohanan Debat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Grand TVET Debate Championship UniKL, Malaysia;
- Johan bagi kategori Bahasa Melayu dalam Pertandingan Cabaran Debat Muda 21 Tahun untuk Alaf 21 (CDM2121) 2018; dan
- Johan bagi Pertandingan Debat Bahasa Arab Terbuka Peringkat Antarabangsa UIAM 2018.

Kepimpinan mahasiswa UM juga menerima pengiktirafan khas apabila seramai 10 orang mahasiswa yang aktif dan cemerlang dalam bidang akademik telah terpilih menyertai Program Al-Maktoum College Winter and Summer Programmes di Dundee, Scotland. Mahasiswa UM ini telah mewakil Malaysia dan negara-negara di Asia dalam program berkenaan.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) sentiasa komited melaksanakan pelbagai program pembangunan mahasiswa. Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama telahpun memasuki tahun ke 6 pengjurannya dan menyaksikan seramai 500 orang mahasiswa yang terlibat setiap tahun. Objektif utama program ini adalah memberikan pendedahan terhadap kehidupan sebagai mahasiswa di kampus dan pada masa yang sama mempersiapkan mahasiswa dari segi kesejahteraan mental dan sahsiah diri. Program ini telah berjaya melahirkan mahasiswa yang cemerlang dan mempunyai sahsiah yang holistik. Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja pada tahun 2018, Saudara Izzudin Aman Shah merupakan alumni peserta program Jati Diri. Beberapa mahasiswa peserta program Jati Diri juga telah menyerlah sebagai pemimpin mahasiswa dan berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan Kelas Pertama.

Pelbagai pencapaian berjaya dicapai oleh mahasiswa UM tidak kira dari kalangan pelajar ijazah pertama maupun ijazah tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, *Malaysian Communications & Multimedia Commission Debating Championship 2018, Gold Coast 2018 Commonwealth Games, 1st International Nanotechnology Olympiad, Marine Grace International*

*Tournament, International Conference On Oral Immunology & Oral Microbiology (ICOIOM), International Conference On Benefits Microbes 2018, 4th Asia Pacific Coral Reef Symposium, 5th Hong Kong International Music Festival, Metrohm Young Chemist Award, Pertandingan Debat Bahasa Arab Terbuka Antarabangsa 2018 (Kategori Universiti), The Intervarsity Young Motivator (I-Mac) 2018, Olympiad Nanotechnology Malaysia (ONM) Competition 2018, Young Persons' World Lecture Competition (YPWLC 2018), 13th Lawasia International Moot Competition dan Anugerah Olimpian Terbaik 2018. Mahasiswa UM amat cemerlang dan versatil. Mereka menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari luar dan dalam negara merangkumi bidang-bidang seperti sukan, kebudayaan, pidato, debat, perakaunan dan rekacipta.*

Tidak dinafikan bahawa kekuatan sesebuah universiti terletak kepada modal insan yang cemerlang. Sebagai mengiktiraf sumbangan warga Universiti yang telah membuktikan kecemerlangan mereka dalam pelbagai bidang, Anugerah Cemerlang UM (ACUM) tahun 2018 diteruskan di mana seramai 66 orang menerima anugerah daripada 27 kategori utama dan 2 kategori khas yang dipertandingkan. ACUM merupakan inisiatif UM dan ianya adalah salah satu pembakar semangat warga UM untuk terus memberi sumbangan bukan hanya kepada Universiti malahan kepada negara dan komuniti.

Selain daripada UM sendiri, tahun 2018 juga menyaksikan ramai tokoh-tokoh pendidikan UM menerima pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Antaranya:

- Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Khoo Kay Kim dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Prof. Ulung Dr. Rajah Rasiah dari Institut Asia-Eropah telah dianugerahkan Anugerah Merdeka 2018. Anugerah ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada individu-individu yang cemerlang atas jasa dan sumbangan mereka dalam bidang masing-masing yang membawa ke arah pembangunan negara;
- Prof. Dr. Rajah Rasiah dari Institut Asia-Eropah telah dianugerahkan Anugerah Profesor Ulung 2017 pada 12 Februari 2018. Beliau telah menyumbangkan banyak idea baru kepada konsep inovasi dan keupayaan teknologi, dan pembentukan dasar pembangunan negara yang berkaitan dengan perindustrian dan inovasi, khususnya sektor pengeluaran elektronik, automotif dan tekstil;
- Anugerah Akademik Negara (AAN) ke-12 yang merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada ahli-ahli akademik bagi menghargai kecemerlangan dan sumbangan mereka dalam usaha melonjakkan nama institusi pengajian tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penerima anugerah ini ialah Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram (Anugerah Tokoh Akademik Negara), Prof. Madya Dr. Juan Joon Ching (Anugerah Ahli

Akademik Harapan) dan Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (Anugerah Penerbitan Buku bagi buku bertajuk "The Significance of Islamic Jerusalem in Islam");

- Prof. Dr. Ng Kwan Hoong dari Jabatan Pengimejan Bio Perubatan, Fakulti Perubatan telah dianugerahkan Marie Skłodowska-Curie Award daripada International Organization for Medical Physics (IOMP). Anugerah ini merupakan pengiktirafan tertinggi dan paling berprestij dalam perubatan fizik. Beliau merupakan saintis pertama dari negara membangun yang menerima anugerah ini. Beliau adalah perintis dalam perubatan radiasi dan terlibat secara langsung menubuhkan program Sarjana Perubatan Fizik di Universiti Malaya, di mana ia merupakan satu-satunya program pascasiswazah di luar UK dan Ireland yang diiktiraf oleh Institut Fizik dan Kejuruteraan Perubatan di UK. Beliau juga menyumbangkan kepakarannya ke laporan bencana nuklear Fukushima Daiichi 2011;
- Dr. Dorothy Dewitt dari Fakulti Pendidikan telah dianugerahkan Endeavour Executive Fellowship 2018 daripada Australian Government;
- Dr. Azzuliani Supangat dari Fakulti Sains telah dianugerahkan Core Fulbright Visiting Scholar Program oleh The Bureau of Educational and Cultural Affairs of The United States Department of State, 2018;
- Prof. Madya Dr. Tengku Ain Fathlun Tengku Kamalden dan Dr. Wong Won Fen dari Fakulti Perubatan serta Dr. Vimala Balakrishnan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah dianugerahkan Fulbright Malaysian Scholar Program oleh Malaysian-American Commission on Educational Exchange (MACEE), 2018;
- Dr. Chai Lay Ching dari Fakulti Sains menerima anugerah L'Oreal-UNESCO for Women in Science National Fellowship (geran bernilai RM30,000) bagi kajiannya "Using science to sniff out highly pathogenic bacteria in food, savings lives and reducing morbidities-associated with these bacteria". Beliau menggunakan kajian sains untuk mengesan bakteria dalam makanan dengan kaedah menghidu;
- YM Academician Datuk Dr. Tengku Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim (Pengerusi, Lembaga Pengarah UM) sebagai Felo Kanan ASM, Prof. Dr. Onn Hashim (FASc) dari Fakulti Perubatan, Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman (FASc) dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr. Chuah Cheng Hock (FASc) dari Fakulti Sains, Prof. Dr. Gan Seng Neon (FASc) dari Fakulti Sains, Prof. Dr. Khalijah Awang (FASc) dari Fakulti Sains, Prof. Madya Dr. Siti Aisah Hj Alias (FASc) dari Institut Sains Samudera dan Bumi, dan Prof. Madya Dr. Chan Yoke Fun (TRSM) dari Fakulti Perubatan. Anugerah Felo Akademi Sains Malaysia (FASc) dan Anugerah Top Research Scientist

- Malaysia (TRSM)* merupakan pengiktirafan tertinggi negara di bidang penyelidikan;
- *Clarivate Analytics 2018 Highly Cited Researchers* mengikiraf para penyelidik dan saintis melalui sumbangan yang signifikan dalam penerbitan *highly cited papers* untuk tempoh 10 tahun. Penerima-penerima bagi tahun 2018 ialah Prof. Dr. Wan Mohd Ashri Wan Daud (Fakulti Kejuruteraan), Prof. Madya Dr. Md. Abul Kalam (Fakulti Kejuruteraan), Prof. Emeritus Ir. Dr. Masjuki Haji Hassan (Fakulti Kejuruteraan), Prof. Ir. Dr. Nasrudin Abd Rahim (*UM Power Energy Dedicated Advanced Centre*), dan Prof. Dr. Saad Mekhilef (Fakulti Kejuruteraan); dan
- Prof. Dr. Ramesh a/l T. Subramaniam dari Fakulti Sains merupakan penerima *2018 Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) Awards* yang menawarkan sokongan kepada para penyelidik melalui pemberian geran bagi tujuan kemajuan saintifik dan teknologi negara serta mengiktiraf mereka yang menyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi.

Bagi menyahut seruan kerajaan untuk mewujudkan kampus pintar, beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuklah pelaksanaan *mobile-based vehicle tracking* dan *UMPoint*. *Bus* atau *ShuttleTracking* merupakan satu aplikasi yang digunakan oleh pelajar untuk merjejak jadual dan laluan bas setiap hari. Aplikasi ini juga berperanan sebagai alat hubungan dua hala pelajar di antara pelajar dengan pihak pengurusan bas shuttle mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan bas. Aplikasi *Department Vehicle Tracking* pula diwujudkan untuk memantau penggunaan kenderaan di peringkat jabatan. Dengan aplikasi ini, Ketua Jabatan dapat menjalankan

analisa penggunaan kenderaan bagi memastikan kecekapan dan mengoptimalkan kos, serta membantu dalam perancangan kewangan jabatan terutama dari segi penggunaan petrol, tol, penyelenggaraan, cukai kenderaan dan sebagainya. Selain itu, aplikasi ini juga dapat mengelakkan penyalahgunaan kenderaan. Pada masa akan datang, sistem ini juga boleh digunakan untuk mengkaji sikap pemandu dan penumpang kenderaan.

*UMPoint* merupakan satu sistem yang memusatkan (*one-stop centre*) semua urusan berkaitan dengan tempahan ruang di Universiti sama ada kepada warga UM maupun pihak luar. Sistem ini diintegrasikan dengan SAP bagi menguruskan pembayaran di mana semua bayaran dikendalikan melalui sistem. Melalui sistem ini, kecekapan pengurusan ruang dapat ditingkatkan di samping berjaya mengelakkan ketirisan. Pada masa yang sama, pihak Pengurusan dapat memantau penjanaan pendapatan oleh PTJ daripada sewaan ruang.

Inisiatif-inisiatif lain yang berorientasikan sebagai penyelesaian terhadap masalah adalah *Integrated eProcurement Payment System*, *One-Stop Payment Portal (cashless)*, *eWallet (cashless)*, *Portal Vendor* dan *SPECTRUM (eLearning)*.

Kejayaan UM pada hari ini merupakan kerjasama semua pihak yang berkepentingan. Justeru itu, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada YB Menteri Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti, warga Universiti, mahasiswa dan rakan industri yang memberi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap usaha dan inisiatif Universiti untuk terus kekal terbilang dan cemerlang.

#### Jadual 4.1: Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanannya

Kecekapan dan keberkesanannya Universiti pada tahun 2018 diukur melalui pencapaian berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama Kementerian (*Ministry Key Performance Indicators - MKPI*):

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesanannya (Keseluruhan) (%)
	Tahun Sebelum (2017)	Tahun Semasa (2018)	
KPI 1: Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penerapan pada tahun konvokeyen. <i>Nota:</i> Berdasarkan Tracer Study	78.15%	78.10%	94.10%
KPI 2: Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti	2.44	1.3 (MyRA Dec 2018)	61.90%

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) (%)
	Tahun Sebelum (2017)	Tahun Semasa (2018)	
KPI 3: Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	75.72 (termasuk <i>self-citation</i> ; data sehingga Oktober 2017)	57.4 (termasuk <i>self-citation</i> ; MyRA data 31 Dis 2018; data penerbitan SCO 2014-2018)	88.31% (termasuk <i>self-citation</i> )
KPI 4: Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan QS Global Ranking. (i) Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject. (ii) Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51-200 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject.	5	7	
KPI 5: Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	24.83%	39.62%	158.48%
KPI 6: Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam (i) Sarjana Muda (ii) Sarjana (iii) PhD	10% 26% 26%	9.73% 25.10% 25.10%	71.94% 71.71% 75.70%
KPI 7: Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT) (i) Sarjana Muda (ii) Sarjana (iii) PhD	75% 27% 32%	79.26% 30.10% 34.40%	93.25% 60.2% 86%
KPI 8: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa (i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa (ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah	3,886 2,909	4165 2346	102.08% 67.03%



# 05

## PENGURUSAN KUALITI

- 5.1 Audit Kualiti Dalaman .....
- 5.2 Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ....
- 5.3 Penilaian Institusi oleh Asean University Network – Quality Assurance (AUN-QA) .....



# Pengurusan Kualiti

## 5.1 Audit Kualiti Dalaman

UM mengamalkan Sistem Pengurusan Kualiti berteraskan MS ISO 9001:2015, dan menjalankan Audit Kualiti Dalaman sebagai kaedah pemantauan dan kawalan dalam terhadap proses dan kegiatan utamanya. Audit Kualiti Dalaman dirancang dan dilaksanakan selaras dengan piawai MS ISO 9001:2015 khususnya Fasal 9.2: Audit Dalaman.

---

*Audit menunjukkan bahawa UM komited mengamalkan sistem pengurusan kualiti.*

---

Peluang penambahanbaikan (*opportunities for improvement*) dikenalpasti melalui ketakakuran dan pemerhatian yang ditemui. Kesemua ketakakuran adalah “minor”, yang bermaksud ia tidak menjelaskan sistem yang telah diwujudkan (tiada ketirisan kepada sistem). Terdapat juga amalan positif yang boleh dijadikan contoh kepada PTJ lain.

## 5.2 Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. turut dilaksanakan pada 26 sehingga 29 November 2018. Hasil penemuan audit adalah seperti berikut:

**a. Perubahan isu luaran dan dalaman yang berkenaan dengan Sistem Pengurusan Kualiti**

Isu luaran dan dalaman telah dikenalpasti berdasarkan prosedur mengikut Fakulti/Institut/Pusat. Kaedah mengenalpasti isu-isu luaran dan dalaman ini boleh ditambahbaik berdasarkan konteks organisasi dan fungsi utama organisasi.

**b. Risiko dan peluang yang dikenal pasti dan tindakan yang diambil untuk menanganinya**

Pusat Perancangan dan Strategik Global (PPSG) telah menyediakan Pelan Strategik UM 2016-2020 yang menetapkan tujuh (7) bidang utama iaitu:

- Akademik
- Pengantarabangsaan dan Penjenamaan
- Kecemerlangan Penyelidikan dan Perusahaan (*Enterprise*)
- Gaya Hidup Mahasiswa
- Infrastruktur, Perancangan dan Pembangunan
- Pelantikan dan Pembangunan Staf; dan
- Kemampunan Kewangan dan dan Penciptaan Kekayaan (*Wealth Creation*)

Semua bidang utama ini dinilai melalui laporan yang disediakan oleh Task Force dan dianalisis, seterusnya dilapor dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang ditetapkan dua (2) kali setahun sebelum dibentangkan kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam Mesyuarat Naib Canselor Bersama Dekan/Pengarah. Segaka keputusan akan disebarluas kepada semua warga melalui PTJ masing-masing.

**c. Ringkasan prestasi terhadap objektif dan tindakan yang diambil**

Secara umumnya, UM mencapai objektif kualiti yang ditetapkan, dipantau dan disemak secara berkala. Walau bagaimanapun aspek dokumentasi berkaitan pengurusan kualiti secara umum masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan lagi.

**d. Audit dalaman**

Audit Kualiti Dalamans dilaksanakan secara integrasi pada 2 - 20 Julai 2018 oleh seramai 71 juruaudit dalaman daripada 351 juruaudit dalaman terlatih, bagi lantikan 15 Mei 2018. Sejumlah 166 Ketakakuran dan 122 Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah dikeluarkan. Semua penemuan tersebut telah ditangani dengan berhemah, selari dengan punca utama isu yang berlaku beserta tindakan susulan yang diambil serta keberkesanannya melalui audit susulan pada 20 Ogos 2018. Audit dalaman dilaksanakan berasaskan pendekatan berdasarkan proses (*process based approach*) dan penilaian berasaskan risiko (*risk based assessment*).

**e. Kajian Semula Pengurusan**

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dijadualkan sekali setahun telah diadakan pada 2 Oktober 2018, dipengerusikan oleh Naib Canselor UM, Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim. Melalui pengauditan, didapati *input* dan *output* daripada pelaksanaan MKSP tersebut memenuhi keperluan klaus 9.3 Standard ISO 9001:2015. Rekod berkaitan dengan pelaksanaan mesyuarat tersebut telah diselenggara dengan baik. Pelaporan minit memberi gambaran sebenar pencapaian organisasi dan keberkesanannya Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) serta selari dengan objektif kualiti yang ditetapkan.

**f. Pengendalian Maklum Balas Pelanggan**

Aduan dan maklum balas pelanggan yang diselaraskan oleh Unit Maklumbalas dan Penambahbaikan, Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC) secara atas talian melalui *eFeedback* untuk pelanggan dalaman, dan *offline* menggunakan borang Maklumbalas Pelanggan. Sejumlah 27 aduan direkodkan pada tahun 2018 berbanding 24 aduan pada 2017. Tahun 2018 mencatatkan sejumlah 1,046 borang maklum balas diedarkan melalui setiap PTJ yang dipilih dan dari jumlah tersebut, 448 borang lengkap diisi dan analisa dan pencapaian yang dilaporkan adalah mencapai 90%. Semua maklumbalas telah dibentangkan dalam MKSP.

**g. Peluang penambahbaikan**

UM komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa. Kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan pelaksana berkaitan versi baru ISO 9001:2015 masih perlu ditingkatkan bagi memastikan aspek-aspek keberkesanannya pelaksanaan sistem dapat dicapai.

---

*Fungsi dan peranan besar UM dalam usaha melahirkan graduan yang berketrampilan menuntut kepada pembangunan sistem pengurusan kualiti yang stabil dan tekal kepada pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik yang telah dikenalpasti.*

---

### 5.3 Penilaian Institusi oleh Asean University Network – Quality Assurance (AUN-QA)

Pada tahun 2018, UM telah melalui Penilaian Institusi yang dijalankan oleh Asean University Network – Quality Assurance (AUN-QA). UM merupakan universiti pertama di Malaysia yang melalui penilaian sebegini. Menerusi penilaian ini, kualiti program-program di UM terus mendapat jaminan pengiktirafan sebagai berkualiti dan telus, seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Penilaian yang dijalankan dari 6 hingga 12 Mei 2018 melibatkan pakar-pakar dari negara-negara serantau seperti Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand. Penilaian ini meliputi 25 bidang yang berkaitan dengan Jaminan Kualiti Strategik, Jaminan Kualiti Sistemik dan Jaminan Kualiti Kefungsian. Hasil dapatan telah dibentangkan kepada pengurusan di UM dan secara keseluruhannya UM telah memperolehi skor 5 daripada 7 iaitu Lebih dari Mencukupi atau *Better than Adequate*.





# 06

## AKADEMIK

- 6.1 Penarafan dan Pencapaian .....
- 6.2 Pengajaran dan Pembelajaran .....
- 6.3 Populasi Pelajar .....
- 6.4 Pembangunan Pelajar .....
- 6.5 Perkhidmatan dan Kemudahan Sokongan Pelajar .....
- 6.6 Pendidikan Berterusan .....
- 6.7 Kepelbagaian dan Inklusiviti .....



## Akademik



## 6.1 Penarafan dan Pencapaian

Sepanjang tahun 2018, Universiti Malaya (UM) telah menerima pelbagai pengiktirafan melalui pencapaianannya dalam penarafan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

## 6.2 Pengajaran dan Pembelajaran

*Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 merupakan panduan utama dalam menggerakkan transformasi sekaligus memacu kejayaan meliputi aspek pemantapan tadbir urus akademik dan pembangunan akademik bagi tahun 2018.*

Pelan Strategik Akademik UM 2016-2020 masih lagi dijadikan tunggak utama dalam memastikan wawasan UM untuk menjadi universiti pilihan staf dan pelajar. Empat (4) matlamat utama telah digariskan di dalam pelan ini iaitu:

- Pengalaman pengajaran dan pembelajaran cemerlang melalui program akademik yang dimantapkan oleh teknologi;
- Pengambilan pelajar yang berkualiti tinggi;
- Graduan berkualiti tinggi dengan ciri-ciri holistik, berpengaruh global, mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi dan seimbang; dan
- Persekuturan kerja yang membina.

Jadual 6.1: Program yang diakreditasi pada tahun 2017 dan 2018.

Pengakreditasian	Tahun 2017		Tahun 2018	
	Permohonan	Kelulusan	Permohonan	Kelulusan
Akreditasi Sementara	15	5	7	11
Akreditasi Penuh	3	11	6	1
Akreditasi Semula	70	70	17	0

UM juga telah mempertimbangkan lima (5) permohonan program akademik baharu selaras dengan keperluan semasa. Program-program berikut telah mendapat kelulusan saringan awal bagi tahun 2018:

- Sarjana Sains Forensik
- Sarjana Parasitologi Perubatan & Entomologi
- Sarjana Epidemiologi
- Sarjana Keselamatan Siber
- Sarjana Muamalat (Kewangan Islam)

Pelan ini turut menggariskan lapan (8) strategi utama dalam mencapai matlamat yang dikenal pasti. Antara strategi ini adalah:

- Penggabungan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran;
- Pengantarabangsaan kurikulum;
- Pedagogi yang efektif dalam penyampaian kursus;
- Semakan semula dan pemerkasaan program akademik;
- Mendapatkan lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa dengan tajaan;
- Melahirkan graduan yang berkualiti tinggi;
- Memastikan kesesuaian dan ketampakan graduan UM dalam bidang pekerjaan atau industri; dan
- Mempromosikan budaya pengantarabangsaan.

### 6.2.1 Pembangunan Kurikulum dan Program Akademik

Selaku sebuah institusi yang dianugerahkan status Swaakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia pada 2010, UM mengakredit sendiri program akademik bukan profesional yang ditawarkan. Pengakreditasian ini melibatkan tiga (3) peringkat iaitu pengakreditasian sementara untuk permohonan program akademik baharu, pengakreditasian penuh bagi program akademik yang telah diberi status akreditasi sementara serta pengakreditasian semula program yang telah diiktiraf.

Sembilan (9) program akademik baharu pula telah mendapat kelulusan penawaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018 seperti berikut:

- Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Data)
- Sarjana Pemasaran\*
- Sarjana Sains Perlindungan Tanaman\*
- Sarjana Pendidikan Perubatan\*
- Sarjana Sains Perubatan (Perubatan Regeneratif)\*
- Sarjana Kekuatan dan Suaian Fizikal\*
- Sarjana Tari
- Sarjana Neurosurgeri
- Sarjana Etika Penyelidikan Kesihatan

\*Nota: Penawaran akan dibuat mulai Sesi Akademik 2018/2019

Bagi tahun 2018, sebanyak 18 program di pelbagai peringkat pengajian telah mendapat kelulusan semakan kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia turut meluluskan 79 program akademik bagi kategori jumud, beku dan lopus.

**Jadual 6.2: Program yang telah mendapat kelulusan semakan kurikulum.**

Peringkat Pengajian	Bilangan Program
Program Diploma Eksekutif	10
Program Ijazah Pertama	1
Program Ijazah Tinggi	7
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>

**Jadual 6.3: Program akademik bagi kategori jumud, beku dan lopus yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia.**

Peringkat Pengajian	Bilangan Program		
	Jumud	Beku	Lopus
Asasi	1	-	2
Diploma Eksekutif	3	-	-

Peringkat Pengajian	Bilangan Program		
	Jumud	Beku	Lopus
Sarjana Muda	10	2	13
Sarjana	46	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>2</b>	<b>17</b>

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam, Edisi Kedua yang perlu dijadikan rujukan untuk proses semakan kurikulum program akademik UM yang akan dilaksanakan pada tahun 2019.

## 6.2.2 Pemerkasaan Latihan Staf Akademik


UM melalui Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) telah memperkisasikan program latihan staf akademik melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018.

Program-program yang dilaksanakan oleh ADeC termasuklah:



**Penerbitan buku  
'Redesigning Assessment  
for Holistic Learning: A  
Quick Guide for Higher  
Education'**

Buku ini diterbitkan susulan daripada Persidangan *Redesigning Assessment for Holistic Learning (RAHoLE) 2017*. Buku ini dijadikan rujukan penting dalam kalangan pengamal penilaian alternatif dan ahli akademik sebagai garis panduan penilaian alternatif yang merangkumi pelbagai kategori penilaian seperti program penilaian berdasarkan portfolio (*portfolio based-assessment*), penilaian berdasarkan prestasi (*performance-based assessment*), penilaian diri sendiri (*self-assessment*), penilaian berdasarkan kumpulan (*group-based assessment*), dan penilaian berdasarkan teknologi (*technology-based assessment*).



**Program kesedaran bagi  
Interactive Learning  
Space**

UM telah mengambil inisiatif untuk membangunkan ruang pembelajaran interaktif (*learning space* atau *smart classroom*) dari tahun 2012 di mana *Learning Space* ini telah dinamakan sebagai *The CUBES*. Program kesedaran telah diadakan bagi perkongsian idea dan amalan terbaik tentang konsep baru tersebut dan bagaimana *Learning Spaces* dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga kampus khususnya staf akademik UM.



Selain aktiviti membudayakan *Learning Spaces*, ADeC juga menerima beberapa kunjungan dari pihak luar bagi tujuan penanda aras (*bench-marking visit*) yang ingin melihat dan mempelajari amalan terbaik daripada UM berhubung teknologi terbaru ini (*learning spaces*) yang menggalakkan persekitaran pembelajaran yang menyokong *collaborative and active student centered learning*.

ADeC turut menerima pengiktirafan atas inisiatif yang dilaksanakan dalam e-pembelajaran:

- Tempat Ketiga bagi kategori Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif Bersemuka di Anugerah Khas Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2018 (AKRI 2018)
- Anugerah Best e-Learning Management System in Invention, Innovation & Design on e-Learning (IIDEI) di International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2018

### 6.2.3 Pemantapan Teknologi dalam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Penambahbaikan berterusan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bagi platform e-Learning UM yang dikenali sebagai SPECTRUM telah dijalankan. Sistem ini telah diperkenalkan di UM sejak tahun 2005 dan kini merupakan sistem atas talian yang mempunyai kadar akses



yang paling tinggi iaitu purata 18,000 pengguna aktif dan jumlah transaksi mencecah purata 3.2 juta sebulan bagi tahun 2018. Sistem berteraskan Moodle ini diintegriasi sepenuhnya dengan Sistem Maklumat Pelajar dan *Single Sign On*.

Sistem ini telah dinaik taraf daripada versi 2 kepada versi 3 pada tahun 2018. Pelbagai ciri terkini yang menyokong pengajaran dan pembelajaran telah ditambah baik dalam versi ini. Selain itu, pelaksanaan polisi kandungan kursus yang baharu juga telah dikawal dalam sistem ini. Kandungan kursus telah diliberalisasikan menjadi sesuatu program akademik dan bukan lagi milik pensyarah. Semua pensyarah yang mengajar program yang sama dapat berkongsi kandungan sumber pengajaran.

Minggu e-Pembelajaran 2018 (*e-Learning Week 2018*) kali ketiga ini telah diadakan pada 2-7 April 2018 oleh ADeC. Pada edisi kali ini, lapan (8) PTj telah mengambil bahagian dalam melaksanakan kelas sepenuhnya di atas talian. Pengajaran yang diperoleh dari aktiviti ini adalah tentang kesediaan kakitangan, pelajar dan kemudahan serta kelengkapan universiti untuk menyokong mod e-pembelajaran. Selain itu, ia juga menguji tahap kesediaan universiti untuk melaksanakan e-pembelajaran ketika berlakunya keadaan darurat dan bencana yang mendesak pembelajaran dilakukan secara atas talian untuk meneruskan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Selain itu, PTM melalui pasukan Multimedia juga telah memainkan peranan utama menyokong pihak ADEC dalam melaksanakan pembangunan kandungan kursus melalui beberapa *platform Massive Open Online Courses (MOOC)* (<https://www.futurelearn.com/partners/universiti-malaya> dan <https://www.openlearning.com/UM>) dan *Open Education Resource (OER)* (<https://ocw.um.edu.my/>).

Pembangunan kursus MOOCs yang menggunakan platform *openlearning* dan *futurelearning* ini membuka peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat dari serata dunia untuk mengikuti kursus dengan universiti terbaik Malaysia ini walau di mana mereka berada tanpa perlu mendaftar sebagai pelajar UM. Ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang mempromosi pembelajaran di atas talian di peringkat global dan pendidikan sepanjang hayat.

### 6.3 Populasi Pelajar

Jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajaran bagi tahun 2018 meningkat sehingga mencapai 7,928 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,295 orang pelajar mengikuti kursus di peringkat Ijazah Dasar dan 3,633 orang pelajar di peringkat Ijazah Tinggi.

**Jadual 6.4: Perbandingan jumlah kemasukan pelajar bagi tahun 2017 dan 2018.**

Peringkat Pengajian	Tahun 2017	Tahun 2018
Ijazah Dasar	4,282	4,295
Ijazah Tinggi	3,212	3,633
<b>Jumlah</b>	<b>7,494</b>	<b>7,928</b>

Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar bagi tahun 2018 adalah seramai 30,593 orang, yang terdiri daripada 17,330 pelajar Ijazah Dasar (56.6%) dan 13,263 pelajar Ijazah Tinggi (43.4%).

**Jadual 6.5: Perbandingan jumlah enrolmen pelajar bagi tahun 2017 dan 2018.**

Kategori Pelajar	Tahun 2017		Tahun 2018	
	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi	Ijazah Dasar	Ijazah Tinggi
Warganegara	14,008 (96.1%)	10,736 (78.3%)	16,547 (95.5%)	10,319 (77.8%)
Bukan warganegara (Antarabangsa)	576 (3.9%)	2,984 (21.7%)	783 (0.5%)	2,944 (22.2%)
<b>Jumlah</b>	<b>14,584</b>	<b>13,720</b>	<b>17,330</b>	<b>13,263</b>

Jumlah graduan pada tahun 2018 adalah seramai 5,279 orang (540 graduan Ijazah Kedoktoran, 1,768 graduan Ijazah Sarjana, 43 graduan Diploma Pascasiswazah dan 2,928 graduan Ijazah Sarjana Muda).

**Jadual 6.6: Perbandingan jumlah graduan bagi tahun 2017 dan 2018**

Graduan	Tahun 2017	Tahun 2018
Ijazah Kedoktoran	645	540
Ijazah Sarjana	1,795	1,768
Diploma Pascasiswazah	-	43
Ijazah Sarjana Muda	2,427	2,928
<b>Jumlah</b>	<b>4,867</b>	<b>5,279</b>

Pada tahun ini juga, UM telah menganugerahkan dua (2) ijazah kehormat dan tiga (3) penerima gelaran Profesor Emeritus:

#### Penerima Ijazah Kehormat

- Dato' Dr. Mahmood Osman Merican dengan Ijazah Kehormat (Doktor Perubatan)
- Tan Sri Sr. Abdul Rahim Abdul Rahma dengan Ijazah Kehormat (Doktor Harta Tanah)

#### Penerima Profesor Emeritus

- Profesor Ir. Dr. Masjuki Haji Hassan
- Dato' Profesor Dr. Goh Khean Lee
- Datuk Profesor Dr. Norma Mansor



Anugerah Pelajaran DiRaja yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Malaysia pada kali ini dianugerahkan kepada dua (2) orang pelajar cemerlang dalam program Ijazah Sarjana Muda:

- Saudara Izzudin bin Aman Shah, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanik)
- Saudara Chong Jing Sheng, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Aktuari dan Kewangan)

UM telah menghasilkan seramai 19 graduan di bawah program kerjasama dengan rakan institusi antarabangsa setakat ini. Pada tahun 2018, UM menganugerahkan bilangan graduan tertinggi bagi Ijazah Kedoktoran melalui program kerjasama *Dual PhD* dengan rakan institusi iaitu seramai lima (5) graduan. Dua (2) graduan dari Fakulti Perubatan pula telah dianugerahkan Ijazah Sarjana melalui program kerjasama *Double Master Degree* dengan Kyoto University, Jepun.

Universiti turut berbangga dengan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Pengurusan Sukan) kepada atlet Olimpik dan Penerjun Negara, Pandelela Rinong Anak Pamg pada tahun ini.

## 6.4 Pembangunan Pelajar

Pada tahun 2018, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengambil tindakan dan langkah yang drastik dalam inisiatif pembangunan dan kebajikan pelajar

di samping membawa pendekatan yang baharu dalam penyediaan perkhidmatan sokongan kepada pelajar. Bahagian HEPA juga telah menjalankan kajian impak dan kos terhadap semua program pembangunan pelajar yang telah dianjurkan bagi sesi 2017/2018. Hasil daripada kajian tersebut, Bahagian HEPA telah berjaya menganjurkan sebanyak 87 program pembangunan pelajar yang melibatkan seramai 15,730 pelajar ijazah pertama. Sejumlah RM88.00 untuk setiap pelajar diperuntukkan bagi tujuan ini.

### 6.4.1 Latihan Pelajar

Pengurusan Latihan Pelajar Hal Ehwal Pelajar dibentuk atas dasar untuk menyediakan dan memantapkan tahap latihan mahasiswa UM. Latihan yang disediakan adalah sebagai program sokongan kepada pembelajaran yang diperolehi di akademi, fakulti dan pusat pengajian akademik.

Berdasarkan kepada keperluan pembangunan mahasiswa terutamanya dalam pembentukan kemahiran kepimpinan yang seimbang dan menyeluruh, Urusan Pemerkasaan Pelajar telah merangka beberapa program untuk memenuhi keperluan mahasiswa Universiti. Program-program yang ditawarkan dimaklumkan secara berkala melalui notis-notis yang ditampalkan di seluruh kampus universiti ataupun dimaklumkan kepada pihak Pengetua Kolej-Kolej Kediaman dan juga melalui kerjasama secara langsung dengan badan-badan pelajar berdaftar atau pun kumpulan-kumpulan pemimpin pelajar sedia ada di kampus.

Pada tahun 2018, Urusan Pemerkasaan Pelajar telah melaksanakan sebanyak 16 program berbentuk kursus/bengkel/seminar dan taklimat untuk pelajar-pelajar UM sesi 2017/2018. Antara program tersebut adalah:

- Program Seminar Drugs, Alcohol, Relationship Issues And Time Wastage and Smoking (D.A.R.T.S), By Prevention And Awareness
- Kem Kepimpinan Nilai, Minda Dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa
- Kursus Pemudahcara Mahasiswa Universiti Malaya

- Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama UM melalui Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) turut menggalas tanggungjawab untuk membangunkan kemahiran pelajar khususnya dalam memupuk inovasi dan kreativiti.

Program-program yang telah dilaksanakan oleh CITra termasuk:

#### **Program Creativity & Innovation: Design Thinking**

Program ini telah dilancarkan dengan kerjasama Innovative Academy, University College Dublin (UCD), Ireland pada 15-18 November 2018. Ia merupakan sebahagian daripada komponen penilaian kursus yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran keusahawanan dengan menggunakan *design thinking* dan pendekatan inovatif. Seramai 127 pelajar dari Fakulti Alam Bina, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Fakulti Sains yang mendaftar kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) dipilih menjadi peserta.

#### **The Lost Food Project (TLFP)**

Projek kolaborasi dengan TLFP ini menerapkan elemen keusahawanan sosial kepada seramai 101 pelajar APK Semester I, Sesi 2018/2019. Berdasarkan pendedahan yang diberi tentang isu kelaparan dan pembaziran makanan di Malaysia, pelajar mengaplikasi pemikiran kreatif dan inovatif yang dipelajari dalam kelas APK untuk menghasilkan cadangan penambahbaikan operasi kepada TLFP. Ini dilakukan melalui sesi pembentangan ulasan konstruktif.



#### **Co-curriculum Carnival**

Pesta kurikulum ini telah berlangsung pada 15 Disember 2018 dengan tema *Celebrating Diversity, Catalysing Change, Characterising Holistic* di Kompleks Perdanasiswa (KPS) dan melibatkan tiga komponen kursus kurikulum (KK) iaitu persembahan, demonstrasi dan pameran.

#### **Mini Sukan**

Mini Sukan merupakan sebahagian daripada CCC yang melibatkan kursus-kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) di CITra. Pada Semester I, Sesi 2018 / 2019, Mini Sukan telah diadakan pada 9 Disember 2018, melibatkan pelajar daripada kursus GKV1004 Asas Pengurusan Sukan. Mini Sukan ini dikendalikan oleh pelajar daripada dua kursus KKB iaitu GKN1002 Asas Pengurusan Acara dan GKN1004 Asas Keusahawanan.

#### **Social Entrepreneurship Project**

Seramai 136 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat terlibat dalam program *STEM Entrepreneurship Project*. Melalui program ini, pelajar mempersembahkan idea yang kreatif dan inovatif untuk merekacipta prototaip melalui *Arduino Micro Controller* dan *Computer Programming*. Pada akhir program, para pelajar dapat mengaplikasikan ilmu STEM untuk menghasilkan *sensor alarm* yang boleh digunakan bersama produk lain. Latihan keusahawanan seperti ini membuka ruang dan peluang kepada pelajar untuk belajar menjana pendapatan di bidang keusahawanan.



### University-Community Engagement (UCE)

UCE merupakan sebahagian daripada aktiviti KKB yang melibatkan pelajar bersama komuniti. Melalui UCE, pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari dalam KKB bersama masyarakat tempatan. Antara komuniti yang terlibat dalam UCE adalah terdiri daripada golongan anak yatim, masyarakat luar bandar, pelajar sekolah dan lain-lain.



### Wacana Harmoni (i-Wacana)

Program yang dianjurkan pada 17 November 2018 di Auditorium Kompleks Perdanasiswa UM melibatkan seramai 1,800 pelajar kursus GI/G1001 TITAS dan GI/G1002 Hubungan Etnik bagi Semester I, Sesi 2018/2019. Program ini bertujuan untuk melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices-HIEPs*) sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU).

### Aktiviti Keusahawanan dan Kerjaya

- Connected Campus Tour 2018 dianjurkan dengan kerjasama *GenYouth* yang bertujuan untuk membentuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar, meningkatkan kesedaran perindustrian dan membuka laluan kerja serta menyediakan pasaran perniagaan kepada para pelajar.
- STAR Youth Entrepreneurship Competition merupakan program kerjasama bersama *Stellavingze* di mana para pelajar dapat meningkatkan pemahaman terhadap bidang keusahawanan dan menjana idea perniagaan dengan lebih berkesan.
- Kelas *Digital Marketing* Bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC) adalah program kerjasama bersama *GenYouth* yang berfokuskan kepada pembangunan laman web perniagaan menggunakan aplikasi *Website-Builder* bagi menjalankan pembelajaran e-usahawan dalam talian.
- Online Marketing* Bersama Grocer Mart Singapore merupakan program pemasaran di atas talian di mana pelajar didedahkan kepada kaedah tinjauan pasaran di atas talian.

## 6.4.2 Kerohanian

Selain dari aktiviti-aktiviti yang menyokong bidang akademik di samping memupuk sifat-sifat kepimpinan, aktiviti-aktiviti yang membentuk keperibadian murni melalui program-program kerohanian turut dianjurkan oleh Bahagian HEPA:

### • Program Kembara Daie 3.0 Universiti Malaya 2018

Program ini diadakan pada 1 hingga 3 November 2018 di Ulu Tembeling, Taman Negara dengan penyertaan seramai 44 pelajar. Program ini menggunakan pelbagai kaedah latihan seperti perbincangan dua hala, gerak kerja berpasukan, perbincangan kumpulan, pembentangan dan cabaran ketahanan emosi dan fizikal. Dengan pelbagai kaedah latihan tersebut, semua peserta mendapat pendedahan dan mengenali satu sama lain supaya dapat bekerjasama dengan lebih baik.

### • Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaya 2018

Sambutan ini diadakan pada 9 Disember 2018 di Auditorium KPS dengan penyertaan seramai 550 pelajar. Ini adalah sambutan tahunan yang dianjurkan dengan kerjasama Sekretariat Presiden Kolej UM,

Jawatankuasa Perkembangan Kerohanian dan Perpaduan Kolej-kolej Kediaman, serta Jawatankuasa Surau Kolej-kolej Kediaman. Melalui sambutan ini, hubungan silaturrahim antara warga Universiti dapat dieratkan lagi di samping menyuburkan kerinduan, perasaan cinta dan sayang terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

## 6.4.3 Kaunseling dan Kerjaya

Seksyen Kaunseling dan Bimbingan turut menganjurkan sebanyak 13 program sepanjang tahun 2018 termasuklah yang berikut:

- Program Team Building Buddies SKB 2018 yang bertujuan memupuk semangat kerja berpasukan kepada Buddies SKB di samping memberi latihan kemahiran membantu (*helping skill*) kepada pelajar;
- Program Kaunseling Kelompok Kerjaya OKU yang bertujuan melatih minda peserta program supaya lebih yakin dan positif untuk berhadapan dengan cabaran dalam proses padanan pekerjaan (*job matching*);


- Pesta Kerjaya 2018 yang memberi pendedahan maklumat kerjaya terkini dan membina jaringan dengan pihak industri; dan
- *EU-Day Talent Roadshow 2018 Career Fair* yang memberi pendedahan maklumat kerjaya terkini di samping membina jaringan dengan pihak industri di Eropah.



ini bertujuan untuk menggalakkan penghasilan bakat dalam kalangan warga Universiti dalam bidang kesenian terutamanya dalam seni persembahan pentas serta memupuk kefahaman, keprihatinan dan apresiasi mengenai kebudayaan kebangsaan.

#### • **Karnival Teater Universiti Malaya 2018 (KARVITER'18)**

Penganjuran KARVITER' 18 bagi kali ke-10 ini menyediakan wadah bagi pelajar di kolej-kolej kediamaan dan juga unit luar kampus untuk menunjukkan bakat dan idea masing-masing dalam arena seni pementasan, rekaan dan pengurusan pentas, pengarahan dan *scenography*. Objektif karnival ini adalah untuk menyediakan program kesenian yang berkualiti dan menyemarakkan pementasan teater kampus, serta melahirkan mahasiswa yang mempunyai jati diri, berdaya saing dan holistik serta tidak melupakan asal usul seni budaya.



#### **6.4.4 Kesenian**

UM mempunyai ramai pelajar yang berbakat di cabang seni dan bakat-bakat sebegini terus disuburkan dengan pelbagai aktiviti berbentuk apresiasi dan pertandingan sepanjang tahun 2018:

##### • **Festival Seni Universiti Malaya (FESENI' 18)**

FESENI' 18 merupakan pertandingan persembahan pentas yang terdiri daripada acara boria, dikir barat, koir, nasyid, pop band, nyanyian irama melayu, nyanyian irama malaysia, kompong, manifestasi puisi, muzik akustik, tarian tradisional kebangsaan, tarian kreatif, tarian cina, tarian india dan nyanyian inggeris. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar yang berdaftar, pelajar luar kampus serta kakitangan UM. FESENI' 18 merupakan acara kesenian anjuran bersama Bahagian HEP dan Pusat Kebudayaan, dengan kerjasama Kolej-kolej Kediamaan, Jabatan Penyelenggaraan Harta Benda, Pusat Teknologi Maklumat dan Fakulti Bahasa dan Linguistik. Program

#### **6.5 Perkhidmatan dan Kemudahan Sokongan Pelajar**

Menyedari akan hakikat pentingnya perkhidmatan dan kemudahan sokongan yang mampan dan berkesan kepada para pelajar, pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan bagi mencapai matlamat ini, demi memastikan mereka akan melalui pengalaman pembelajaran yang kondusif sepanjang mengikuti pengajian.


## 6.5.1 Penginapan

UM mempunyai 12 buah kolej kediaman di dalam kawasan kampus dan sebuah di kampus UM Nilam Puri, Kelantan. Jumlah pelajar yang mendiami penempatan ini merangkumi 63% pelajar ijazah pertama. Ini merupakan kemudahan yang disediakan untuk pelajar tahun pertama untuk menginap di kolej kediaman di dalam kawasan kampus walaupun mereka masih boleh memilih untuk menginap di luar kampus. Jumlah kapasiti bilik di 13 buah kolej kediaman ini adalah sebanyak 13,441. Jumlah keseluruhan ini terbahagi kepada 783 orang pelajar Pusat Asasi Sains (5.8%), 8,468 orang pelajar ijazah dasar (sarjana muda) (63.0%) dan 4,190 orang pelajar ijazah tinggi (sarjana/kedoktoran dan lain-lain) (31.2%).

Pelajar-pelajar ijazah tinggi juga diberi peluang untuk menginap di kolej-kolej kediaman dengan kadar RM15.00 hingga RM20 sehari mengikut kapasiti bilik bagi setiap pelajar. Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar ijazah tinggi di kolej kediaman adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

**Jadual 6.7: Kapasiti pelajar mengikut kolej kediaman.**

Senarai Kolej Kediaman	Kapasiti Pelajar
Kolej Kediaman Pertama (Tunku Abdul Rahman)	855
Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)	794
Kolej Kediaman Ketiga (Tunku Kurshiah)	737
Kolej Kediaman Keempat (Bestari)	674
Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)	843
Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)	931
Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba)	844
Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu)	905
Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin)	1073
Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi)	726
Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)	1,286
Kolej Kediaman Keduabelas (Raja Dr. Nazrin Shah)	2,990
Kolej Kediaman Nilam Puri	783
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>13,441</b>



**Kapasiti pelajar mengikut kolej kediaman.**

## 6.5.2 Ruang Pembelajaran

Bahagian HEPA menyediakan kemudahan untuk kegunaan pelajar menjalankan aktiviti dan program badan pelajar seperti mesyuarat, persiapan pra acara, bengkel, kursus dan sebagainya. Meliputi persekitaran lima (5) blok di Kompleks Perdanaswara (KPS), ruang-ruang ini dikategorikan sebagai *Student Experience Learning Centre* atau singkatannya, SELC yang merangkumi auditorium, bilik seminar, bilik mesyuarat, dewan, studio, dan pentas terbuka. Penggunaan ruang ini menggunakan prinsip guna sama menerusi kaedah tempahan yang diurus dan diselenggara oleh Pejabat Pengurusan dan Penyelenggaraan Kompleks Perdanaswara. Selain itu, terdapat bilik yang dikhususkan untuk badan-badan pelajar atau sekretariat yang berdaftar dan aktif. Kesemua kemudahan ini dilengkapi dengan perabot dan peralatan teknikal asas mengikut kesesuaian dan jenis ruang.

**Jadual 6.8: Kemudahan Student Experience Learning Centre yang disediakan.**

Jenis Ruang	Unit
Bilik Seminar	5
Dewan Perdana (kapasiti 50 hingga 200 orang)	4
Auditorium (kapasiti 800 orang)	1
Bilik Studio	2
Bilik Sekretariat sementara	6
Bilik Badan Pelajar Berdaftar & Aktif	5
Pentas Terbuka (Gazebo)	1

## 6.5.3 Kemudahan Kesihatan

Klinik Kesihatan Pelajar (KKP) merupakan salah satu fasiliti yang disediakan untuk pelajar Universiti. KKP telah ditubuhkan pada sekitar tahun 1960-an. Ianya diketuai oleh Dr. Mohamzmi Mohamed bersama 31 orang staf dari pelbagai gred jawatan. Tanggungjawab utama KKP kepada pelajar di UM adalah seperti berikut:

- Perundingan, diagnosis dan rawatan
- Rujukan untuk perkhidmatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya
- Kawalan penyakit berjangkit
- Perkhidmatan kecemasan
- *Medical Team Standby*
- Perkhidmatan farmasi
- Perkhidmatan makmal
- Perkhidmatan ambulan

Pada tahun 2018, KKP telah menerima seramai 25,924 pelajar yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

Berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, setiap pelajar UM perlu mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar

diwajibkan untuk menghantar laporan pemeriksaan kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan pelajar-pelajar berkenaan sebelum diterima masuk.

**Jadual 6.9: Statistik laporan pemeriksaan kesihatan bagi pelajar Sarjana Muda Sesi Kemasukan 2018/2019.**

Status	Pecahan	Bilangan Pelajar	Jumlah Pelajar
Normal	-	-	3,463
Tidak Normal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hepatitis B</li> <li>Asthma</li> <li>Urine problem</li> <li>Pulmona tuberculosis</li> <li>Psychological problem</li> <li>High blood pressure or HPT</li> <li>Scoliosis</li> <li>Drug allergy</li> <li>Diabetes mellitus</li> <li>Other illness or problem</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1</li> <li>65</li> <li>39</li> <li>2</li> <li>2</li> <li>29</li> <li>30</li> <li>25</li> <li>2</li> <li>116</li> </ul>	311
Tidak mempunyai laporan perubatan (belum buat/tidak hantar)	-	-	12
<b>Jumlah keseluruhan</b>			<b>3,786 orang</b>

#### 6.5.4 Bantuan Pelajar

Secara keseluruhan, seramai 518 orang pelajar telah mendapat bantuan Tabung Zakat Pendidikan Pelajar dengan jumlah agihan sebanyak RM311,000 sepanjang tahun 2018. Selain itu, bantuan Zakat Khas Ramadhan sebanyak RM49,200 juga disalurkan bagi menampung pembelanjaan bagi 246 pelajar pelajar. Selain itu, bantuan sebanyak RM738,530.05 turut diluluskan melalui skim Tabung Kebajikan Pelajar untuk tahun 2018.

**Jadual 6.10: Statistik bantuan yang diluluskan melalui bantuan Tabung Zakat Pendidikan Pelajar (TZPP) dari tahun 2015 sehingga 2018**

Tahun	Bantuan	Bilangan Penerimaan	Wang Zakat (RM)	Jumlah Wang Zakat (RM)
2015	TZPP dan Maybank Islamic Berhad	233	-	160,930.00
2016	TZPP dan Maybank Islamic Berhad	408	-	334,835.00
2017	TZPP dan Maybank Islamic Berhad	515	-	339,550.00
2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>TZPP dan Maybank Islamic Berhad</li> <li>Zakat Khas Ramadhan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>518</li> <li>246</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>311,000.00</li> <li>49,200.00</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>360,200.00</li> </ul>

**Jadual 6.11: Statistik bantuan yang diluluskan melalui skim Tabung Kebajikan Pelajar untuk tahun 2018.**

Jenis Tuntutan/Bantuan	Jumlah Tuntutan/ Bantuan (RM)
Bantuan peralatan/prosedur perubatan dan kecemasan/kematian	371,530.05
Pemberian kepada pelajar miskin	200,000.00
Laluan OKU	80,000.00
Perhentian Bas Inklusif	87,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>738,530.05</b>

## 6.5.5 Koleksi Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Malaya menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sumber maklumat yang terkini. Secara keseluruhannya, sejumlah 22,097 judul (33,020 naskhah) bahan telah ditambahkan dalam koleksi perpustakaan pada tahun 2018. Jumlah penambahan ini adalah yang paling banyak berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pendeta Discovery (<http://www.pendeta.um.edu.my>) menyediakan katalog dan perincian kepada sejumlah lebih 2 juta bahan di dalam koleksi termasuk buku, prosiding, tesis dan disertasi, jurnal dan majalah bahan digital dan lain-lain bahan perpustakaan (bulletin, mikrofom, bahan audio visual, dll.). Sebanyak 1,691 naskhah buku telah dimasukkan ke dalam Arkib UM menjadikan jumlah terkini meningkat kepada 12,067 naskhah. Perbelanjaan langganan dan perolehan buku tahun 2018 adalah sebanyak RM9,080,000.

Sebanyak 14,163 objek digital telah ditambah dalam koleksi hasil pendigitalan pelbagai kandungan tempatan termasuk kertas persidangan, tesis dan disertasi, artikel jurnal, bab buku, foto dan keratan akhbar. Lebih 40 ribu objek digital kini boleh diakses melalui empat (4) repositori: *UM Students' Repository*, *UM Research Repository*, *UM Common Repository* dan *UM Memory*.



Pada tahun 2018, perkasaan semua repositori telah dinaik taraf kepada Mesin Virtual atau *Virtual Machine* (VM) yang dihoskan oleh Pusat Teknologi Maklumat. Pelayan baharu ini meningkatkan kapasiti penyimpanan repositori kepada lebih 750 GB dan meningkatkan kelajuan pemprosesan dan capaian kandungan.

*UM Research Repository* yang menjadi repositori utama objek digital mendapat lebih 3.5 juta hits dengan jumlah muat turun dokumen sebanyak 191,432 pada tahun 2018. Repositori ini ternyata berkesan membantu keterlihatan penyelidikan UM.



**Jadual 6.12: Repozitori digital institusi bagi tahun 2018.**

Repositori	Keterangan	Objek Digital 2018	Jumlah Objek Digital
UM Students' Repository	Repositori akses terbuka bahan ilmiah yang dihasilkan oleh pelajar UM termasuk tesis kedoktoran dan disertasi sarjana. Pautan: <a href="http://studentsrepo.um.edu.my/">http://studentsrepo.um.edu.my/</a>	961	7,856
UM Research Repository	Repositori akses terbuka hasil penyelidikan UM termasuk artikel jurnal, kertas kerja persidangan, dan bab buku. <a href="http://eprints.um.edu.my/">http://eprints.um.edu.my/</a>	1,289	15,252
UM Common Repository	Repositori akses terbuka bahan digital untuk pemeliharaan dan meningkatkan akses kepada bahan lama seperti gazet, majalah, jurnal, buku dan keratan akhbar. <a href="http://commonrepo.um.edu.my/">http://commonrepo.um.edu.my/</a>	898	7,997
UM Memory	Perpustakaan digital untuk memelihara dan mengarkibkan koleksi foto, dokumen dan imej warisan UM. <a href="http://ummemory.um.edu.my/">http://ummemory.um.edu.my/</a>	948	9,474*
<b>Jumlah</b>		<b>4,096</b>	<b>40,579</b>

\*Nota: Jumlah objek digital hanya rekod yang dipapar kepada umum. Ianya tidak menggambarkan jumlah koleksi sebenar.

iMalaysiana adalah indeks kepada karya ilmiah dalam format kertas kerja persidangan, artikel jurnal atau bab buku yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia, diterbitkan di Malaysia atau mengenai Malaysia. Tahun 2018 mencatatkan penambahan tahunan tertinggi sebanyak 35% iaitu 14,375 entri berbanding 10,665 entri pada tahun 2017. Jumlah keseluruhan sebanyak 180,325 indeks ini boleh diakses melalui Pendeta Discovery di <http://www.pendeta.um.edu.my>.

## 6.6 Pendidikan Berterusan

Penawaran program pembelajaran sepanjang hayat telah dijalankan oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) sejak tahun 1998 selaras dengan hasrat UM untuk menyalurkan kepakaran serta memperkembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi semua lapisan masyarakat. Usaha ini juga adalah selaras dengan aspirasi negara untuk mewujudkan ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan inklusif melalui Model Ekonomi Baharu serta menempatkan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Antara program pendidikan sepanjang hayat yang mendapat sambutan baik khususnya daripada golongan yang bekerja adalah program di peringkat Diploma Eksekutif dan Kursus Kemahiran yang dijalankan pada setiap hujung minggu. Ini dibuktikan dengan bilangan graduan yang lahir daripada program ini yang telah menjangkau lebih 23,000 orang. Selain itu, terdapat pelbagai lagi program berbentuk jangka pendek dalam bidang bahasa, pengurusan, kewangan, pendidikan serta lain-lain pengkhususan turut ditawarkan.

Bagi menggalakkan akses masyarakat kepada program-program pendidikan, UMCCed sejak tahun 2017 telah memulakan penawaran program Diploma Eksekutif di luar kampus melalui Pusat Pembelajaran UMCCed (PPU) di Alor Setar, Kulim, Bayan Lepas, Kuantan, Kota Bharu dan Kota Kinabalu secara usahasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Selain itu, penawaran program Diploma di luar kampus juga telah berkembang kepada empat lokasi termasuk PPU sedia ada di Mantin, Johor Bahru, Petaling Jaya dan Nilam Puri.

Di peringkat antarabangsa pula, UMCCed turut menyediakan peluang latihan kepada peserta-peserta dari luar negara melalui program lawatan sambil belajar dan kursus-kursus jangka pendek yang dibangunkan secara dalaman serta melalui kerjasama strategik dengan institusi latihan luar. Program-program latihan berbentuk jangka pendek ini juga turut ditawarkan di luar negara termasuk Filipina, Hong Kong, China dan Indonesia.

## 6.7 Kepelbagaian dan Inklusiviti

Antara inisiatif yang telah dijalankan dalam usaha memperkuuhkan lagi kepelbagaian dan kerangkuman dalam kalangan pelajar adalah melalui ISC Global Buddies (ISCGB). Inisiatif yang diselaraskan oleh Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC) telah mendapat perhatian dari pelajar tempatan UM sejak dilancarkan pada Julai 2017. ISCGB bertujuan membantu membentuk pelajar yang holistik apabila tamat daripada pengajian melalui pelbagai program kokurikulum dan kebudayaan khusus untuk pelajar antarabangsa sepanjang semester. Penubuhan ISCGB bermula dengan baik apabila seramai 25 pelajar dilantik menjadi sebahagian daripada pasukan ISC pada Semester I, 2017/2018. Bilangan ISCGB kini berkembang dengan keahlian seramai 40 pelajar pada Julai 2018 dan dijangka meningkat kepada 50 ahli pada Julai 2019.

Bersama-sama dengan ISC, ISCGB banyak menyumbang kepada agenda pengantarabangsaan universiti melalui program dan aktiviti yang diaturkan sepanjang tahun dalam memastikan pelajar-pelajar antarabangsa UM dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus dan sistem pembelajaran di UM. Mereka turut terlibat dalam membantu pelajar mendapatkan pengalaman yang menarik dan positif sepanjang berada di Malaysia. ISCGB juga banyak membantu dalam penganjuran persidangan-persidangan antarabangsa yang merupakan suatu pengalaman baru bagi ramai ahli.

ISC bersama dengan ISCGB dan Universiti of Malaya International Student Association (UMISA) telah menganjurkan pelbagai aktiviti bagi memberi peluang kepada pelajar untuk lebih mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus dan sistem pembelajaran dan pengajaran di UM. Di samping itu, aktiviti-aktiviti ini juga bertujuan memberikan pengalaman yang positif dan menyeronokkan sepanjang berada di UM khususnya dan Malaysia amnya.

- Program Homestay dan Field Trip
- Interaction with ISC Global Buddies
- Zoo Negara Volunteer Program
- Mid-Autumn Festival
- Halloween Party @ Sunway Lagoon
- UMISA Night
- Public Speaking Workshop
- UMICAFF 2018

- Christmas and Farewell Party
- International Students Gala Dinner
- Foreign Language Class (Japan, Korea, China)
- Lunch and Dinner Gathering

UM turut mengiktiraf hak dan keperluan OKU untuk melanjutkan pengajian mereka hingga ke peringkat tertinggi. Pihak universiti, sama ada daripada peringkat pengurusan tertinggi hingga kakitangan sokongan amat komited untuk memberikan OKU peluang pendidikan yang setara dengan orang-orang upaya. Justeru, pihak UM telah berusaha menyediakan persekitaran Universiti yang mampu menyokong Siswa OKU untuk bergerak bebas dan berdikari dalam aspek sosial, emosi, dan persekitaran, agar Siswa OKU dapat menjalani kehidupan yang terbaik dan berkualiti sepanjang berada di alam kampus.



## Kemudahan Berdaftar

### Pengurusan Siswa Orang Kurang Upaya (OKU) Mengikut Akses Yang Bersesuaian

- Semua siswa OKU akan berdaftar di bawah Unit Pengurusan Siswa OKU di Seksyen Kaunseling dan Bimbingan, HEPA
- Jawatan Kuasa Pembangunan Universiti Inklusif (JPINK) UM
- Polisi Universiti Inklusif Universiti Malaya
- *Disability Liaison Officer (DLO)* di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj)
- *Inclusive Hand Book: Information For Students With Disabilities*

### Kebolehcapaian Bangunan dan Persekitaran Kampus

- Audit Accessibility
- Pengangkutan van OKU Kolej Kediaman Ketujuh Za'ba
- Penginapan di Kolej Kediaman Ketujuh Za'ba

### Kualiti Hidup dan Persiapan Kerjaya

- Program pembangunan siswa OKU
- Penglibatan siswa OKU dalam aktiviti kampus
- Latihan Industri Siswa OKU

### Kemudahan Pembelajaran dan Khidmat Sokongan

- Prosedur Pengendalian Tatacara Operasi Tetap Perkhidmatan dan Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran Siswa OKU UM
- Perpustakaan, Makmal S & Bilik Karel
- Peperiksaan, Masa Tambahan, Bilik Khas, Pegawai Khas & kertas soalan mengikut kesesuaian kategori kecacatan
- *Sign Interpreter*
- *Volunteer Reader*
- Subjek *Disability Equality Training (DET)* di bawah Ko-kurikulum Universiti

## Bantuan Tambahan

### Pengurusan Siswa OKU Mengikut Akses Yang Bersesuaian


- *Inclusive Hand Book: Information For Students With Disabilities*
- University of Malaya Support Group for the Disable

### Kemudahan Pembelajaran dan Khidmat Sokongan

- Alat bantu pembelajaran *Magnifare, Wheelchair, Braille, Screen Reader Software* seperti *Job Access With Speech (JAWS) & Non Visual Desktop Access (NVDA)*
- *Embosser, Scanner & Large Print*
- Perkhidmatan (*Call Service*) bagi pinjaman buku di Perpustakaan
- Buku Panduan Memberi Sokongan & Berinteraksi dengan Orang Kurang Upaya (OKU)
- *Hearing aids* bagi siswa OKU pendengaran
- Potongan 50% yuran pengajian bagi siswa OKU Ijazah Tinggi
- Pengurusan bantuan wang saku & yuran pengajian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

### Kualiti Hidup dan Persiapan Kerjaya

- Program/Aktiviti yang melibatkan perkembangan kerjaya OKU seperti Kaunseling Kelompok Kerjaya OKU atau Kem Kerjaya OKU
- Perkhidmatan *Job Coach* kepada siswa OKU
- *Buddies System*
- Anugerah-anugerah penghargaan siswa OKU dalam pencapaian akademik dan ko-kurikulum
- Penglibatan siswa OKU dalam Badan Pelajar Berdaftar (Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya PERMIUM)
- Program pembangunan siswa OKU
- Penglibatan siswa OKU dalam aktiviti kampus
- Latihan Industri Siswa OKU

A photograph of a scientist wearing a blue lab coat, blue gloves, and a blue head covering. They are holding a clear test tube with a blue liquid in their gloved hand. The background shows a laboratory setting with white walls and ceiling tiles.

# 07

## PENYELIDIKAN DAN INOVASI

7.1 Penarafan dalam Penyelidikan

7.2 Peruntukan Geran Penyelidikan

7.3 Pencapaian

7.4 Infrastruktur Penyelidikan

7.5 Jalinan Kerjasama dan Kolaborasi

7.6 Inovasi dan Pengkomersialan



## Penyelidikan dan Inovasi

### 7.1 Penarafan dalam Penyelidikan

Tahun 2018 telah melakarkan kecemerlangan kepimpinan penyelidikan dan inovasi Universiti Malaya (UM) dalam menyusun strategi memampangkan aspirasi penyelidikan dan inovasi Universiti. Tadbir urus dan perancangan penyelidikan dan inovasi telah diperkasakan ke arah menjadikan penyelidikan dan inovasi satu budaya serta meningkatkan sinergi libatsama antara Universiti-Industri-Kerajaan. Rangkaian kolaborasi penyelidikan yang lebih strategik dengan badan luar atau antarabangsa secara kolektif telah mampu melonjakkan imej dan reputasi UM di arena global dan selaku Universiti Penyelidikan tempatan terunggul. Perancangan ke arah membudayakan penyelidikan juga telah berjaya melahirkan penyelidik-penyelidik yang berbakti kepada masyarakat dan komuniti setempat melalui program-program yang dirancang untuk peningkatan sosial dan ekonomi masyarakat.

Atas kejayaan UM dalam pengurusan penyelidikan, UM terus mendapat pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan melalui proses audit *Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA®)* I dan II. *MyRA®* merupakan instrumen pengukuran yang digunakan untuk mengukur prestasi penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Melalui instrumen *MyRA®*, UM dinilai berdasarkan lapan (8) kriteria iaitu maklumat am, kuantiti dan kualiti penyelidik, kuantiti dan kualiti penyelidikan, kuantiti pascasiswazah, kualiti pascasiswazah, inovasi, perkhidmatan profesional dan hadiah, jaringan dan jangkauan, serta kemudahan sokongan.


### 7.2 Peruntukan Geran Penyelidikan

Pada tahun 2018, pelbagai skim geran penyelidikan ditawarkan oleh pihak Universiti untuk membantu menggalakkan kaitangan akademik/penyelidik menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Penyelidik-penyelidik juga digalakkan untuk memohon geran penyelidikan yang disediakan oleh pihak luar seperti agensi kerajaan, pihak swasta dan antarabangsa.

**Jadual 7.1: Jumlah peruntukan yang diterima mengikut jenis geran penyelidikan bagi tahun 2017 dan 2018.**

Geran Penyelidikan	Jumlah Peruntukan (RM)		Peningkatan/Penurunan
	Tahun 2017	Tahun 2018	
Geran Dalaman (RU)	24,616,733.00	29,650,022.41	↑ 20.4%
Lain-lain Agensi Kerajaan, GLC	10,794,981.00	8,751,854.53	↓ 18.9%
Swasta	3,983,762.00	4,491,462.41	↑ 12.7%
Industri	11,018,951.00	6,262,447.44	↓ 43.2%
Antarabangsa	16,601,664.00	23,996,728.82	↑ 44.5%
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>	<b>67,016,091.00</b>	<b>73,152,515.61</b>	<b>↑ 9.2%</b>

Projek Penyelidikan di bawah geran universiti berdasarkan Peruntukan Universiti Penyelidikan 2018 telah memperuntukkan sebanyak RM29,650,022.41 di mana



**Rajah 7.1: Jumlah peruntukan yang diterima mengikut jenis geran penyelidikan bagi tahun 2017 dan 2018.**

ini merupakan peningkatan sebanyak 20.4% berbanding tahun 2017 yang hanya memperuntukkan sejumlah RM24,616,733.00. Di bawah geran dalaman (Peruntukan Universiti Penyelidikan) ini, terdapat beberapa jenis skim geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan projek pada tahun 2018 mencapai sebanyak 974 projek. Antara geran penyelidikan yang diluluskan adalah Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP) yang berjumlah RM1,114,792.00 bagi 36 projek dan Bantuan Kecil Penyelidikan Khas (BKP Khas) berjumlah RM794,738.00 bagi 33 projek. Di bawah Peruntukan Universiti Penyelidikan 2018 juga, Universiti turut menawarkan Geran Penyelidikan Khas melalui Geran Penyelidikan Fakulti Program dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM9,303,226.00 bagi 474 projek yang diluluskan.

Pada tahun 2018 juga, UM turut menerima peruntukan penyelidikan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain sebanyak 48 projek dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM8,751,854.53. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 18.9% berbanding tahun 2017 di mana UM telah menerima sebanyak RM10,794,981.00. Antara agensi-agensi kerajaan yang meluluskan geran untuk UM adalah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghua (PEJATI) dan lain-lain lagi.

Geran penyelidikan dari badan swasta bagi tahun 2018 telah berjaya diperolehi dengan peruntukan sebanyak RM4,491,462.41 melibatkan 81 projek di mana ini merupakan peningkatan sebanyak 12.7% berbanding tahun 2017 dengan peruntukan sebanyak RM3,983,762.00. Antara geran badan swasta yang diterima oleh Universiti adalah PNB Research Institute Sdn Berhad, Bank Rakyat, Malaysia Oncological Society (MOS), Hong Leong Islamic Bank, Malaysian Nature Society (MNS)/ Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan lain-lain lagi.

Bagi geran antarabangsa pula, jumlah peruntukan yang diterima pada tahun 2018 meningkat sebanyak 44.5% berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya jumlah peruntukan yang diterima adalah RM23,996,728.82 dan melibatkan 105 projek. Antara geran penyelidikan antarabangsa yang berjaya diterima oleh penyelidik-penyeleidik UM adalah Natural Environment Research Council (NERC), UK National Commission for UNESCO, National Institutes of Health (NIH)/NIAID, British Council dan lain-lain lagi.

## 7.3 Pencapaian

### 7.3.1 Penerbitan

Walaupun hasil penyelidikan di UM memberangsangkan, pengurangan dalam peruntukan penyelidikan telah memberi kesan yang ketara di mana ia mengakibatkan penurunan dalam jumlah penerbitan penyelidikan bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 17.3% berbanding tahun 2017.


Walaupun berlaku penurunan kepada keseluruhan jumlah penerbitan bagi tahun 2018, masih terdapat peningkatan dari segi kualiti penerbitan pada 2018 (35 penerbitan) di mana jumlah penerbitan dalam jurnal 1.5% tertinggi telah meningkat sebanyak 118.8% berbanding tahun 2017 (16 penerbitan). Ini merupakan satu testimoni terhadap peningkatan kualiti kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan. Selain itu, sitasi setiap penerbitan tahun 2018 bagi kedua-dua jenis iaitu ISI Web of Science (WoS) dan Scopus telah meningkat kepada 21.4% (ISI WoS) dan 41.5% (Scopus). Ini sekali lagi membuktikan bahawa kualiti dan topik kajian hasil kerja penyelidikan di UM setanding di peringkat global.

**Jadual 7.2: Penerbitan UM bagi tahun 2014 - 2018**

Kategori Penerbitan	Tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018
Penerbitan dalam ISI Web of Science	3,228	3,371	3,454	3,045	2,593
Penerbitan dalam Scopus	3,666	3,933	3,995	3,630	2,628
Penerbitan buku penyelidikan dan bab dalam buku	413	422	310	410	240
Kertas polisi	0	0	1	2	0
Lain-lain Penerbitan (kajian kes, laporan teknikal, artikel dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak)	665	884	874	826	1,104
<b>Jumlah</b>	<b>7,972</b>	<b>8,610</b>	<b>8,634</b>	<b>7,913</b>	<b>6,565</b>

(Berdasarkan data Perpustakaan UM dan MyRA sehingga 31 Disember 2018)

**Rajah 7.2: Penerbitan UM bagi tahun 2014 - 2018**



**Jadual 7.3: Pencapaian penerbitan berdasarkan Journal Citation Reports (JCR).**

Jurnal Tier	Bilangan penerbitan 2017 berdasarkan JCR 2016	Bilangan penerbitan 2018 berdasarkan JCR 2017	
		2017	2018
Total Q1 & Q2	1,965		1,713*
Top 10% journals (<10.5%)	435		363*
Top 1% journals (<1.5%)	16		35*

**Jadual 7.4: Kualiti penerbitan berdasarkan jumlah sitasi yang diterima pada tahun semasa.**

Kategori	ISI Web of Science Index		Scopus Index	
	Tahun 2017	Tahun 2018	Tahun 2017	Tahun 2018
Jumlah penerbitan pada tahun semasa	2,793	2,593	3,181	2,628
Jumlah penerbitan pada tahun semasa	2,346	2,637	3,006	3,498
Jumlah sitasi yang diterima pada tahun semasa	0.84	1.02	0.94	1.33

### 7.3.2 Anugerah

Selain daripada penerbitan, pencapaian dalam bentuk anugerah turut diterima oleh para penyelidik UM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**Jadual 7.5: Anugerah peringkat kebangsaan bagi kategori individu.**

No.	Nama Penyelidik	Fakulti	Anugerah	Badan Pemberi Anugerah
1	Mohd Roslan Mohd Noor	Akademi Pengajian Islam	Anugerah Akademik Negara (Penerbitan)	Jabatan Perdana Menteri
2	Asrul Mahjuddin Ressang Aminuddin	Fakulti Alam Bina	<i>CREAM 2018 (Malaysia High Impact Journal) - Journal of Design and Built Environment</i>	Kementerian Pendidikan Tinggi
3	Naziaty Mohd Yaacob	Fakulti Alam Bina	Anugerah Hari Pekerja 2018 (Orang Kurang Upaya)	Jabatan Perdana Menteri
4	Goh Kim Leng	Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	<i>CREAM 2018 (Malaysia High Impact Journal) - Malaysian Journal of Economic Studies</i>	Kementerian Pendidikan Tinggi
5	Rajah Rasiah	Institut Asia Eropah	<i>Merdeka Award 2018</i>	Petronas, Exxonmobil & Shell
6	Abdul Aziz Abdul Rahman	Fakulti Kejuruteraan	<i>Fellow</i>	Akademi Sains Malaysia
7	Masjuki Hj Hassan	Fakulti Kejuruteraan	<i>Malaysia's Research Star Award 2018</i>	Kementerian Pendidikan Tinggi
Selain PTj akademik, Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC) turut menguruskan kemasukan pelajar *inbound* melalui penganjuran beberapa program jangka pendek. Berbanding tahun 2017, ISC berjaya menganjurkan sembilan (9) program jangka pendek secara bersama dengan PTj lain pada tahun 2018:

- Asia Universities Alliances – UM Tropical Camp
- UM-Asia University Taiwan (*Language & Culture*)
- Business, Language & Culture (OUC & PCU)
- Daejin University (*Language Program*)
- Kansei Gakuin University (*Internship*)
- Pukyong National University (*Internship*)
- Pukyong National University (*Short term*)
- QChallenge Kuala Lumpur – Queen Mary University London





09

## PEMBANGUNAN SOSIAL

9.1 Kapasiti Sumber Manusia

9.2 Perancangan Latihan dan Pembangunan Staf

9.3 Alumni


9.4 Kesihatan, Kesejahteraan dan Keselamatan Pekerja



## Pembangunan Sosial

### 9.1 Kapasiti Sumber Manusia

Pada tahun 2018, statistik keseluruhan staf UM meningkat kepada 6,027 orang berbanding 5,640 orang staf pada tahun 2017. Bilangan ini meliputi 2,352 orang staf akademik dan 3,675 orang staf pentadbiran. Dari jumlah staf akademik, seramai 313 orang iaitu 13.3% merupakan staf antarabangsa. Manakala bagi staf pentadbiran, seramai 692 orang atau kira-kira 19% merupakan dari dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan selebihnya iaitu 2,983 orang merupakan dari dalam Kumpulan Pelaksana.



**Jadual 9.1: Statistik staf akademik mengikut jawatan dan taraf lantikan**

Jawatan	Tetap	Kontrak*	Jumlah
Profesor Ulung	-	3	3 (0.1%)
Profesor Kehormat	-	23	23 (1.0%)
Profesor	196	65	261 (11.1%)
Profesor Madya	396	39	435 (18.5%)
Pensyarah Universiti Gred DS 45/51/52	723	257	980 (41.7%)
Pensyarah Perubatan Gred DU 51/52/53/54	206	20	226 (9.6%)
Pensyarah Pergigian DUG 51/52/53/54	35	7	42 (1.8%)
Pensyarah Farmasi Gred DUF 41/51/52/53/54	8	2	10 (0.4%)
Pensyarah Pelatih	37	-	37 (1.6%)
Felo Penyelidik Prinsipal	-	3	3 (0.1%)
Felo Penyelidik Kanan	-	12	12 (0.5%)

Jawatan	Tetap	Kontrak*	Jumlah
Felo Penyelidik	-	27 (1.1%)	27
Felo Penyelidik Pasca Doktoral	-	140 (6.0%)	140
Penyelidik Bersekutu	-	1 (0.04%)	1
Fulbright Scholar	-	8 (0.3%)	8
Guru Bahasa	64	63 (5.4%)	127
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	2	15 (0.7%)	17
<b>Jumlah</b>	<b>1,667 (70.9%)</b>	<b>685 (29.1%)</b>	<b>2,352 (100.0%)</b>

(Sumber data: iHRIS)

\*Catatan: Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat.

#### Jadual 9.2: Statistik staf pentadbiran.

Jawatan	Tetap	Kontrak*	Jumlah
Pengurusan dan Profesional	454	238 (18.8%)	692
Pelaksana	2,720	263 (81.2%)	2,983
<b>Jumlah</b>	<b>3,174 (86.4%)</b>	<b>501 (13.6%)</b>	<b>3,675 (100.0%)</b>

(Sumber data: iHRIS)

\*Catatan: Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat.

#### Jadual 9.3: Statistik staf yang meninggalkan perkhidmatan universiti

Jawatan	Bilangan staf	Peratusan
Bersara (Paksa, pilihan dan perubatan)	116 orang	51.6%
Peletakan jawatan	96 orang	42.7%
Melepaskan jawatan	3 orang	1.3%
Meninggal dunia	10 orang	4.4%
<b>Jumlah</b>	<b>225 orang</b>	<b>100.0%</b>

(Sumber data: iHRIS)

## 9.2 Perancangan Latihan dan Pembangunan Staf

Perancangan latihan dan pembangunan staf pada tahun 2018 telah memberikan penekanan melalui penganjuran kursus yang memfokuskan kepada pelaksanaan *Training*

*Needs Identification and Analysis* (TNI/TNA) yang dijalankan pada tahun 2016. Daripada sejumlah 137 kursus yang dirancang, sejumlah 104 kursus (76%) telah dilaksanakan kepada 3,503 staf kumpulan bukan akademik. Pelaksanaan kursus berdasarkan tiga (3) aspek utama iaitu kemajuan diri, kemahiran dan pengetahuan tugas staf.

Pada masa ini, kursus yang dilaksanakan bersifat generik dan terbuka untuk semua staf. Kursus generik menumpukan kepada aspek penyeliaan dan kepimpinan, pengurusan dan perancangan strategik, kemahiran teknologi maklumat (IT), kemahiran bahasa, komunikasi, kreativiti dan inovasi, *work-life balance*/kerohanian, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pembangunan diri dan sahsiah, pengurusan sumber manusia dan pengurusan krisis dan konflik.

Pada tahun 2018, peruntukan latihan yang disalurkan untuk latihan dan pembangunan staf kepada Seksyen Pembangunan Bakat (SPB) berjumlah RM700,000.00. Secara keseluruhan kursus yang dianjurkan oleh SPB adalah 45.2% kursus fungsian dan 54.8% kursus generik.

Disebabkan pengurangan peruntukan untuk latihan, dasar latihan mengekalkan tiga (3) hari setahun untuk staf menghadiri latihan. Sasaran yang ditetapkan agar 70% staf menghadiri kursus tiga (3) hari telah tercapai dengan jumlah 75.5%.

Pengurusan telah menetapkan sasaran baru dalam merangka pembangunan staf agar dapat mempertingkatkan kemajuan diri seiring arus peredaran masa. Justeru berdasarkan perancangan tahun 2017, SPB telah melaksanakan sistem latihan baharu yang memberi penekanan terhadap kursus berdasarkan fungsi setiap gred dan jawatan, dan pembangunan staf. Pelaksanaan ini selaras dengan hasrat universiti dalam memacu kecermerlangan seiring hasrat menjadi antara 100 universiti terbaik di dunia.

Model Pelan Pembangunan Kompetensi Universiti Awam (PPKUA) yang diusahakan oleh Jawatankuasa Latihan Universiti-universiti Awam Malaysia (JALUMA) telah dijadikan rujukan untuk pelaksanaan latihan yang khusus kepada peningkatan fungsian jawatan pada tahun 2018. Kesinambungan ini menjadi wadah baru dalam membangunkan bakat-bakat universiti dan Bahagian Sumber Manusia bukan sekadar menjadi platform memberi perkhidmatan kepada warga universiti, sebaliknya turut melatih agar staf sentiasa menepati kehendak pasaran.

Bagi menilai pelaksanaan kursus yang dirancang dan dilaksanakan oleh SPB, model Kirk Patrick (*Level 1- Reaction & Level 2 -Learning*) digunakan untuk memastikan pencapaian kerja staf yang menghadiri kursus meningkat. Selain itu, SPB turut merancang untuk mengaplikasikan Model Kirkpatrick *Level 3- Behaviour* bagi kursus-kursus yang boleh dilakukan penilaian keberkesanannya pada tahun 2019.

SPB telah menjalankan Kursus *Train The Trainers* (TTT) pada tahun 2017 melibatkan tujuh (7) skim perkhidmatan iaitu Skim N (Pentadbiran), J (Kejuruteraan), F (Teknologi Maklumat), S (Sosial), W (Kewangan), C (Sains) dan Q (Penyelidikan). Bagi tahun 2018, kesinambungan kursus TTT diteruskan kepada 5 skim perkhidmatan iaitu U (Perubatan), B (Bakat/Seni), H/R (Kemahiran) dan KP (Keselamatan). Pengajuran kursus fungsian ini dapat memberi impak yang besar dalam pembangunan staf dan ia dapat dimanfaatkan oleh bakat-bakat universiti. Seramai 28 peserta Kursus *Train The Trainers* (TTT) yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan telah menjadi penceramah kursus bagi tahun 2018.

Selain kursus yang dianjurkan oleh pihak SPB, warga universiti diberi peluang untuk mengikuti kursus anjuran luar dan impaknya dapat menyumbang kepada peningkatan diri dan universiti. Tahun 2018, sebanyak 207 permohonan telah diluluskan bagi staf yang mengikuti kursus anjuran luar. Dalam mendepani arus kewangan yang kritikal, pihak Universiti tetap memberi keutamaan kepada pembangunan staf. Justeru, keperluan latihan di luar kampus yang dianjurkan oleh agensi swasta atau kerajaan tetap diberi keutamaan untuk staf menghadirinya berdasarkan keperluan di jabatan.

Seperti kebiasaan pada tahun-tahun sebelum ini, pihak SPB tetap menitikberatkan latihan bukan sahaja kepada bakat yang memacu universiti, sebaliknya turut sama memberi pendedahan kepada kumpulan staf yang akan bersara pada tahun semasa. Pada tahun ini, kursus PraPersaraan dihadiri oleh beberapa ahli kumpulan tertinggi universiti dan yang pastinya jasa bakti mereka tidak akan terpadam dan perkongsian bersama sewaktu menjalankan program tersebut terpahat di hati warga universiti yang mengakhiri khidmatnya pada tahun 2018.

SPB juga turut mengendalikan empat (4) siri Kursus Program Transformasi Minda (PTM) sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi pada 2018. Kursus PTM ini melibatkan 222 staf yang terdiri dari 47.3% dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan 52.7% Kumpulan Pelaksana.

Cabarannya utama pembangunan modal insan adalah dengan menyediakan latihan yang mampu mentransformasikan minda pegawai awam untuk menjajarkan perlakuan mereka dengan matlamat sebenar perkhidmatan awam dan ekspektasi rakyat agar selari dengan hala tuju negara dan perubahan persekitaran. Proses transformasi minda perlu bagi membangunkan modal insan secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh pegawai awam bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian.

### 9.3 Alumni

Penglibatan para alumni secara aktif dalam aktiviti universiti telah memberikan impak yang berbeza kepada pembangunan universiti. "Tradisi Menyumbang adalah Budaya Ikatan Sepanjang Hayat" merupakan satu slogan yang menjadi paksi pergerakan Pusat Perhubungan Alumni (PPA) untuk menjalankan pelbagai program dan pendekatan sebagai suatu usaha untuk menghadirkan kembali alumni ke UM. Penyampaian maklumat diperbaiki agar lebih ramai alumni yang berminat menyumbang kepada alma mater dapat turut sama walaupun dihambat tuntutan kerja dan kekangan masa.

Justeru, PPA memperkenalkan program Jalinan Erat Jangkauan Alumni Kini (JEJAK) bertujuan untuk menyediakan kemudahan kepada alumni bagi mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat serta sebagai satu platform perkongsian idea, cadangan dan maklum balas untuk *alma mater*. Antara objektif utama program JEJAK termasuklah menjalinkan hubungan strategik yang berterusan, menggerakkan dan memperkuuhkan jalinan hubungan bersama alumni UM seluruh negara dan antarabangsa secara berterusan, mengemas kini maklumat dan data alumni UM dari semasa ke semasa dan menyebarkan maklumat terkini berkenaan alumni melalui laman sesawang, media sosial dan penerbitan Alumni seperti buletin elektronik dan *Alumni Stories*.

Program JEJAK Alumni Zon Sabah merupakan program yang julung kali dianjurkan oleh PPA pada 24 Mac 2017 di Universiti Malaysia Sabah. Pihak PPA turut merancang untuk menjalankan program JEJAK mengikut zon iaitu Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Utara, Zon Pantai Timur, Zon Sarawak dan Zon Korporat. Di samping itu, program JEJAK turut diadakan di sekolah-sekolah di bawah seliaan PPD Petaling Utama. Pelbagai program yang dirangka bertindak sebagai platform dalam membina dan mengukuhkan hubungan erat ini. Kerjasama erat antara alumni UM diharap dapat dijayakan demi kelestarian kemajuan dan kecemerlangan *alma mater*.

PPA juga melibatkan Duta Alumni yang dilantik dalam pelbagai program anjuran Universiti:

- Penglibatan Encik Charles Mohan dalam University of Malaya 3 Minutes Thesis (UM3MT) Competition pada 11 April 2018 dan UM Research Carnival Run 2018 pada 17 November 2018;
- Penglibatan Dato' Dr. Hj. Mohamad Fadzilah Kamsah dalam Ceramah Menjadi Pekerja Ohsem pada 16 April 2018;
- Penglibatan Puan Nurul Syuhada dan Puan Nurul Ain Mohd Zain dalam Ikon Inspirasi Varsiti (Iiv'18) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 pada 21 April 2018
- Penglibatan Datuk Aznil Haji Nawawi dalam Pameran One Thousand Million Smiles pada 1 Mac 2018 dan Program Anak U, Anak I, Anak Kita pada 3 Mei 2018

## 9.4 Kesihatan, Kesejahteraan dan Keselamatan Pekerja

Kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan staf adalah agenda utama dalam memastikan staf dapat memberi sumbangan terbaik kepada Universiti. Selaras dengan itu, Universiti sentiasa meningkatkan usaha memberikan yang terbaik buat warganya.

Antara kemudahan yang ditawarkan kepada staf adalah kemudahan perumahan yang diuruskan oleh Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB). Rumah Kediaman Universiti (RKU) atau juga dikenali sebagai kuarters kediaman UM terdiri daripada 3 jenis kediaman iaitu jenis banglo, teres 2 tingkat dan pangsapuri. JPPHB bertanggungjawab menguruskan RKU termasuk memastikan keadaan persekitaran RKU berada dalam keadaan yang baik dan terjaga. JPPHB bertanggungjawab dalam melaksanakan penyelenggaraan terhadap RKU termasuk sebelum penawaran kediaman dibuat kepada staf dan sekiranya berlaku kerosakan terutamanya disebabkan bercana. RKU ditawarkan kepada staf Universiti yang berkelayakan mengikut keutamaan kepada permohonan terawal dan jenis RKU berdasarkan jawatan pemohon. Pada masa ini, sebanyak 322 unit RKU berada di bawah seliaan JPPHB termasuk 147 unit di Seksyen 16, 140 unit di Inderaloka dan 35 unit di Lorong Jambatan.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak di tempat kerja kepada kakitangan awam di Malaysia, UM menyediakan perkhidmatan taska bagi bayi berumur 3-12 bulan dan kanak-kanak 1-3 tahun, tadika bagi kanak-kanak berumur 4-6 tahun, dan juga perkhidmatan transit bagi kanak-kanak berumur 7-12 tahun. Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak UM telah ditubuhkan di bawah kelolaan Persatuan Wanita Universiti Malaya sejak tahun 1976. Pada 1 Oktober 2011, UM melalui Bahagian Sumber Manusia telah mengambil alih pengurusan dan pentadbiran Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak UM yang kemudiannya beroperasi secara rasmi pada 2 Januari 2012.

Taska atau TASKUM merupakan institusi yang menyediakan perkhidmatan penjagaan bayi dan kanak-kanak berumur 3 bulan sehingga 3 tahun. Modul Asuhan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diintegrasikan dengan Kurikulum Pra-sekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia digunakan sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran di TASKUM. Bilangan kanak-kanak dalam yang diterima masuk pada tahun 2018 adalah seramai 36 orang. Tadika yang juga dikenali sebagai TADIKUM memulakan operasi dari jam 7.30 pagi sehingga 6.00 petang setiap hari bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun. Pengajaran dan pembelajaran tadika adalah berasaskan kepada Kurikulum Standard Pra-sekolah Kebangsaan (KSPK) yang diwajibkan oleh semua pra-sekolah di Malaysia. Program ini menggunakan prinsip-prinsip perkembangan, kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dalam setiap proses pendidikan awal kanak-kanak

dalam mereka bentuk, melaksana dan menilai kurikulum berasaskan garis panduan kurikulum pendidikan prasekolah. Bilangan kanak-kanak yang diterima masuk pada tahun 2018 adalah seramai 115 orang. Selain itu, UM juga menyediakan perkhidmatan penjagaan dan pengangkutan kepada pelajar transit (pelajar sekolah rendah yang berumur 7 hingga 12 tahun). Bagi tahun 2018, seramai 64 pelajar telah menggunakan perkhidmatan transit ini.

Atas keperihatinan terhadap kesejahteraan para pekerja, UM melestarikan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Pejabat Keselamatan dan Kesihatan (OSH). Antaranya, pelaksanaan penggunaan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan juga penganjuran kursus dan bengkel KKP untuk meningkatkan tahap kefahaman serta keselamatan untuk semua aktiviti kerja seperti:

- Kursus *Occupational Safety and Health in the Office*
- Kursus *Effective Safety and Health Committee*
- Kursus Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko & Kawalan Risiko (HIRARC)
- Kursus Pasukan Keselamatan Kebakaran
- Kursus Pengenalan dan Pengendalian Sistem Pencegah Kebakaran
- Kursus *Basic Indoor Air Quality*
- Kursus Keselamatan Local Exhaust Ventillation (LEV)
- Kursus *Food Safety and Hygiene*
- Bengkel Pemerksaan OSH

Di samping itu, OSH juga dijemput oleh pusat tanggungjawab akademik untuk memberi latihan dan taklimat KKP untuk meningkatkan kesedaran KKP di PTJ masing-masing.

Dari segi pematuhan dan penguatkuasaan KKP, OSH telah menjalankan pelbagai pemeriksaan keselamatan untuk menjamin pematuhan kepada Peraturan-peraturan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Makanan 1983, Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan lain-lain Akta yang berkaitan. Di samping pemantauan KKP dijalankan pada peringkat universiti, OSH juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan atau agensi kerajaan yang berkaitan, seperti Jabatan Bomba, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Biokeselamatan dan Jabatan Alam Sekitar dalam pelbagai program, dialog dan serta pemeriksaan bersama.

Kesiapsiagaan kecemasan turut diberi penekanan, terutama keselamatan kebakaran di universiti. OSH telah menyelaraskan sebanyak 33 latihan kebakaran dan pengungsian di seluruh kampus supaya dapat bertindak semasa kecemasan. Latihan-latihan ini dijalankan bersama pihak Bomba dimana mereka dijemput sebagai pemerhati

untuk memberi komen untuk penambahbaikan. OSH telah menganjurkan latihan untuk 113 orang staff daripada pasukan tindakan kecemasan (ERT), termasuk *First Aiders*, Sistem Pencegah Kebakaran, *Firefighter* dan SAR dengan jayanya.

Bagi aspek kawalan keselamatan dalam kampus pula, sebanyak 13 operasi telah dijalankan oleh Pejabat Keselamatan sepanjang tahun 2018. Antaranya ialah operasi pencegahan jenayah dalam kampus yang melibatkan warga asing, pekerja yang tidak mempunyai permit dan rumah-rumah kongsi. Hasil usaha pengawalan ketat operasi keselamatan telah memberikan impak sebanyak 6.7% kadar penurunan kes bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 89 kes berbanding tahun terdahulu dengan 95 kes.



# 10

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

10.1 Etika dalam Penyelidikan  
10.2 Komuniti dan Kelestarian



## Tanggungjawab Sosial

### 10.1 Etika dalam Penyelidikan

Staf dan pelajar Universiti Malaya (UM) yang menjalankan penyelidikan patuh mendokong etika yang tinggi berpandukan buku Kod Etika Dasar Akademik Universiti Malaya 1997 dan Kod Etika Universiti Malaya 2010. Dalam konteks persekitaran penyelidikan di Universiti, etika dikenal pasti sebagai perilaku yang baik yang patut diikuti berdasarkan sistem nilai Universiti berkenaan yang menolak perilaku yang buruk dalam menjalani kehidupan dan kerjaya sebagai staf akademik dan juga penyelidik. Etika penyelidikan yang dimaksudkan adalah aspek etika yang merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan, persidangan dan perundingan.

Penilaian etika penyelidikan di UM dilaksanakan oleh dua jawatankuasa iaitu University of Malaya Research Ethics Committee (UMREC), University of Malaya Institutional Animal Care and Use Committee (UM IACUC).

Penyelidikan di UM dipantau oleh UMREC dari sudut pematuhan etika penyelidikan yang melibatkan penggunaan manusia sebagai subjek atau data yang berkaitan dengan manusia. Jawatankuasa ini berperanan melindungi responden penyelidikan serta memastikan penyelidik mematuhi prinsip-prinsip asas tentang penggunaan subjek manusia dalam penyelidikan mereka.

UM IACUC telah ditubuhkan untuk menyediakan panduan kepada penyelidik bagi penyelidikan yang melibatkan penggunaan haiwan untuk memenuhi keperluan pengajaran dan penyelidikan. UM IACUC merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk memantau penggunaan haiwan dalam penyelidikan di UM,

kemudahan dan prosedur termasuk mengkaji semula dan meluluskan permohonan protokol penyelidikan haiwan (ARPA). Ini adalah sejajar dengan isu etika penggunaan haiwan dalam penyelidikan. Di samping itu, banyak bukti daripada pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa tekanan yang berpunca dari penyalahgunaan pengurusan, pengendalian dan manipulasi haiwan akan mengakibatkan data penyelidikan yang tidak tepat. Penubuhan IACUC tertumpu juga kepada usaha untuk menyebarkan pengetahuan termasuk isu kebijakan penggunaan haiwan makmal dalam penyelidikan melalui aktiviti yang dijalankan dan disertai oleh IACUC seperti lawatan ke fasiliti haiwan dan penglibatan dalam persidangan dan mesyuarat berkenaan etika penggunaan haiwan.

### 10.2 Komuniti dan Kelestarian

Staff Engagement and Social Event Committee (SENSE) di bawah Jabatan Pendaftar telah menganjurkan empat (4) aktiviti berkonsepkan tanggungjawab khidmat sosial dengan jayanya. Kolaborasi antara SENSE, Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas Universiti Malaya (PEKERTI), dan agensi-agensi luar seperti Bank Islam dan Ibupejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields juga merupakan nilai tambah dalam penganjuran program-program kebijakan dan kemasyarakatan. Antara program-program yang telah dijalankan adalah:

UM Riders merupakan antara program yang paling dinantikan oleh warga kampus pada setiap tahun telah berjaya melaksanakan misi tunggangan amal mereka untuk tahun yang ketujuh di Pulau Pinang pada 12-13 Mei yang lepas. UM Riders membawa semangat kesukarelawan

untuk membantu anak-anak yatim dan asnaf di Pusat Jagaan Kasih Abadi di Kepala Batas, Pulau Pinang. Mereka telah menyampaikan sumbangan wang tunai dan bahan makanan sebanyak RM1,242 yang diperoleh dari sumbangan warga kampus.

Program Bubur Lambuk Ihya' Ramadhan 1439H/2018M telah dijalankan pada 31 Mei 2018 bertempat di Dewan Tunku Canselor (DTC). Program yang bermula pada awal pagi dimulakan dengan penyediaan bahan-bahan masakan bubur lambuk bersama-sama sukarelawan dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj). Lebih 4,000 bungkusan bubur lambuk telah disediakan dan diedarkan kepada warga kampus di tiga (3) lokasi sekitar UM iaitu perkarangan Dewan Tunku Canselor (DTC), pandu lalu Lingkungan Budi dan pandulalu pintu Petaling Jaya. Program dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil dan Naib Canselor UM, YBhg. Datuk Ir (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim serta wakil Bank Islam sebagai penaja utama program.

Sempena Hari Raya Aidiladha, SENSE telah menganjurkan Program Ibadah Qurban dan Aqiqah Perdana Peringkat UM 1439H/2018M pada 23 Ogos 2018 bertempat di Akademi Pengajian Islam. Seramai 125 sukarelawan dari pelbagai PTj dan pelajar terlibat dalam program tersebut. Sebanyak 9 ekor lembu telah dikorbankan dan diagihkan kepada lebih kurang 657 staf yang layak. Program yang bertemakan "Pengorbanan Meraih Keberkatan" telah disempurnakan oleh Pengurus SENSE, Puan Siti Salwa Md Padzil.

SENSE dengan kerjasama PEKERTI dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields telah menganjurkan program kayuhan basikal secara konvoi sambil mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Malaysia. Konvoi telah diketuai oleh Naib Canselor UM, YBhg. Dato' Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim bersama-sama 150 orang peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar UM, wakil IPD cawangan Brickfields serta komuniti setempat. Kayuhan konvoi yang bermula daripada DTC menuju ke IPD Brickfields serta berakhir semula di DTC ini melibatkan kayuhan sejauh 25km. Program ini dicetuskan sempena sambutan Hari Malaysia bagi mengukuhkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya warga UM.

Di samping itu, Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares) terus mempergiatkan usaha dan inisiatif untuk membantu UM dalam menyalurkan ilmu pengetahuan, teknologi dan perkhidmatan kepada masyarakat. Ini selaras dengan misi dan hasrat universiti untuk mendekati dan membantu masyarakat melalui penyelidikan yang dilaksanakan.

Antara pencapaian UMCares bagi tahun 2018:

**a. Projek Jalinan Masyarakat (Community Engagement)**

UMCares telah meluluskan sebanyak 43 projek komuniti dengan jumlah keseluruhan RM538,800



Program Bubur Lambuk Ihya' Ramadhan 1439H/2018M

dan menunjukkan peningkatan 72% dari tahun sebelumnya. Selain daripada dana dalaman, UMCares telah berjaya memperoleh dana luaran sebanyak RM 269,119.59 berbentuk tunai dan ihsan melalui pelbagai program kerjasama di antara UM dan pihak luar. Antara pihak luar yang bekerjasama baik dengan UMCares ialah Mr. DIY Trading Sdn Bhd, TESCO Malaysia Sdn Bhd, Cheetah Corporation (M) Sdn. Bhd., Al-Ikhlas Sports Sdn Bhd., Yayasan Guru Tun Hussein Onn, ON Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd. dan AEON Environmental Foundation.

**b. Program Berprofil Tinggi**

"DIY Made Simple" dan "Walking Football" merupakan dua program berprofil tinggi berbentuk pertandingan di bawah UMCares. Kedua-dua program melibatkan kerjasama strategik UM, kementerian, industri serta komuniti dan merupakan contoh terbaik bagi kerjasama empat hala (*quadruple helix collaboration*). Tahun 2018 menunjukkan keberkesanan program apabila lebih banyak sekolah menyertai program ini dengan penglibatan seramai 440 pelajar. Program ini juga telah menerima maklum balas positif semasa pembentangan dalam persidangan dan simposium peringkat antarabangsa.

### c. Pengiktirafan

Keberkesanannya program jalinan masyarakat yang dikelolakan oleh UMCares terbukti apabila program "Walking Football" telah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi anugerah khas dari *Regional Centres of Expertise (RCE) Network* bagi kategori *Innovative Projects on Education for Sustainable Development*.

### d. Program Kelestarian

Pertandingan UMCares adalah pertandingan tahunan yang dianjurkan untuk menerapkan budaya kelestarian dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar UM di samping mempersiapkan jati diri pelajar bagi menjana masa depan yang lebih cemerlang. Sebanyak 9 buah kolej kediaman daripada keseluruhan 12 buah kolej kediaman UM telah menyertai pertandingan ini. Wakil setiap kolej kediaman kemudiannya diberi peluang untuk menyertai program kelestarian peringkat antarabangsa iaitu *Asian Students Environment Platform (ASEP)*.

Keputusan Pertandingan UMCares adalah seperti berikut:

- Tempat Pertama: Kolej Kediaman Pertama
- Tempat Kedua: Kolej Kediaman Kelima
- Tempat Ketiga: Kolej Kediaman Kedua

ASEP adalah program tahunan anjuran Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun bagi menerapkan semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan pelajar universiti. Pada tahun ini dengan bertemakan "Gift from Rainforest", pihak AEON telah memilih Malaysia untuk menjadi tuan rumah dan UM (melalui UMCares) sebagai sekretariat bagi program ini. Program selama lima (5) hari ini telah dilaksanakan dengan jayanya di bawah seliaan Dr. Fathiah Mohamed Zuki dari Fakulti Kejuruteraan UM dan mendapat liputan meluas dari media tempatan dan antarabangsa.

UM Tropical Camp merupakan pakej kem pendidikan yang berkonsepkan 'edu-tourism' yang menggunakan alam semulajadi sebagai bilik darjah. Program ini dianjurkan oleh UMCares dengan kerjasama Fakulti Sains amnya dan Institut Sains Biologi khususnya. Kem pendidikan yang berpusat di Pusat Penyelidikan Lapangan Ulu Gombak dan Fraser's Hills ini terbuka kepada mana-mana individu yang berminat dengan alam semula jadi bermula daripada umur 9 sehingga 17 tahun. Melalui program ini, pelajar-pelajar sekolah dalam serta luar negara dapat merasai pengalaman bekhemah sambil menikmati keindahan flora dan fauna yang terdapat di Malaysia. UM Tropical Camp ini juga diperkenalkan sebagai salah satu usaha UM untuk mendekatkan masyarakat dengan bidang sains serta mempromosikan UM kepada masyarakat luar. Pada tahun 2018, UM Tropical Camp program telah menjana pendapatan kasar



Majlis penyampaian hadiah Pertandingan DIY Made Simple 2018



Pemenang Pertandingan "Walking Football" peringkat kebangsaan



Majlis Pembukaan Asian Students Environment Platform (ASEP) 2018



Program UM Tropical Camp

sebanyak RM 187,295.45 daripada 14 program yang dijalankan. 3 daripada 14 program yang dijalankan adalah di peringkat antarabangsa yang melibatkan negara Filipina, Jepun dan Asean University Network (Jepun, Korea, Kazakhstan, Indonesia, Pakistan, dan Thailand).

**e. Anugerah Jalinan Masyarakat dan Persidangan Akademia-Komuniti UM**

Majlis Anugerah Jalinan Masyarakat merupakan majlis tahunan sejak 2016 meraikan penyelidik dan organisasi yang terlibat dalam aktiviti jalinan masyarakat. Terdapat lima (5) kategori anugerah yang diberikan iaitu Anugerah Jalinan Masyarakat, Anugerah UCTC, Anugerah Kelab Sahabat, Anugerah Komuniti dan Anugerah Khas UMCares. Pengiktirafan terhadap projek dinilaiarkan berdasarkan perubahan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi kepada komuniti dan organisasi untuk meneruskan amalan tanpa penglibatan penyelidik UM. Program ini juga bertujuan untuk membantu keterlihatan UM dalam program bersama komuniti.

Senarai pemenang kluster adalah:

Kluster Keusahawanan	Dr. Zuraidah Abdullah (Fakulti Pendidikan)
Kluster Keusahawanan	Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman (Fakulti Pendidikan)
Kluster ICT & Teknologi	Dr. Unaizah Hanum Obaidellah (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)
Kluster Kesihatan	Dr Phan Chia Wei (Fakulti Perubatan)
Kluster Warisan & Budaya	Prof Madya Dr Faridah Noor Mohd Noor (Fakulti Bahasa dan Linguistik)

Senarai pemenang kluster adalah:

Anugerah Khas Komuniti	Persatuan Penduduk PJS 1 South Avenue bagi Projek Agrobox di bawah selian Prof. Datin Seri Dr. Suhaiza Hanim Dato Mohamad Zailani
Anugerah UCTC	Dr. Nasrul Anuar Abd Razak (Fakulti Kejuruteraan)
Anugerah Kelab Sahabat	Dr. Donnie Adams (Fakulti Pendidikan) – Tempat Pertama Dr. Zati Hakim Azizul Hasan (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat) – Tempat Kedua
Anugerah Jalinan Masyarakat	Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman (Fakulti Pendidikan) – Tempat Pertama Dr Rozita Che Omar (Fakulti Bahasa & Linguistik) – Tempat Kedua
Anugerah Khas UMCares	Profesor Dr. Lydia Abdul Latif (Fakulti Perubatan)

Persidangan Akademia-Komuniti UM (PAKUM) merupakan sesi pembentangan laporan akhir geran UMCares dengan tujuan perkongsian pengalaman projek komuniti. PAKUM 2018 mengetengahkan tema 'Kerjasama Strategik Memajukan Masyarakat' telah dihadiri kira-kira 83 orang peserta yang terdiri daripada penyelidik dan pembantu penyelidik. Keistimewaan PAKUM kali ini adalah kehadiran wakil industri dari bidang yang berkaitan untuk memberi input dan cadangan bagi meningkatkan kualiti projek komuniti yang dilaksanakan oleh penyelidik UM.



Majlis Anugerah Jalinan Masyarakat



Persidangan Akademia-Komuniti UM (PAKUM)



# 11

## KELESTARIAN KAMPUS

11.1 Inisiatif Eko-Kampus

11.2 Pembentukan Kampus Pintar

11.3 Pengurusan Elektrik

11.4 Pengurusan Air

11.5 Pengurusan Sisa Pepejal

11.6 Lanskap dan Pembersihan Kawasan

11.7 Pengurusan Harta



## Kelestarian Kampus

### 11.1 Inisiatif Eko-Kampus

UM melalui inisiatif kelestarian kampus yang diterajui oleh Kluster Penyelidikan *Sustainability Science* (SuSci) berlandaskan Pelan Tindakan Eko-Kampus UM terus diberi penekanan pada tahun 2018.

Inisiatif kelestarian di UM mula diketengahkan pada tahun 2015 oleh Dekan kluster penyelidikan *Sustainability Science* pada waktu itu, Profesor Dr. Sumiani Yusoff dengan nama 'Eko-Kampus'. Berikutan daripada itu, sebuah Jawatankuasa Tetap Eko-Kampus UM turut ditubuhkan secara rasmi oleh Mantan Naib Canselor UM, YBhg. Tan Sri Profesor Dr. Mohd Amin Jalaludin pada tahun 2016 bertujuan menyelaraskan inisiatif kelestarian kampus secara berpusat agar lebih strategik dan sistematik. Jawatankuasa ini berperanan sebagai pusat sehenti bagi pemegang taruh dalam dan luar UM berkenaan inisiatif pemeliharaan dan pemuliharaan kelestarian kampus yang merangkumi aspek penyelidikan, pelaksanaan program kelestarian, pembangunan fizikal dan operasi serta penglibatan dalam kurikulum berdasarkan kepada lapan (8) bidang teras sebagaimana yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Eko-Kampus Universiti Malaya (*University of Malaya Eco-Campus Blueprint – UMECB*).



Susulan daripada penyelarasan struktur organisasi kluster-kluster penyelidikan pada 2018, inisiatif penyelarasan aktiviti kelestarian kampus UM kini diletakkan di bawah Sekretariat Eko-Kampus Universiti Malaya yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Sumiani Yusoff daripada Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES). Strategi ini dilaksanakan sebagai usaha bagi memperkuuh dan menambah baik aspek pengurusan dan pemantauan inisiatif kampus lestari di UM.

Fungsi utama sekretariat ini adalah untuk menyelaraskan inisiatif kelestarian kampus terutamanya melalui pemberian geran mengikut kerangka bidang teras eko-kampus UM seiring dengan keperluan *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Ia juga menjadi pusat rujukan dan pengumpulan data bersepadan bagi inisiatif kelestarian serta sebagai platform bagi para penyelidik dan komuniti kampus untuk mempromosikan inisiatif kelestarian kampus. Sekretariat ini turut memikul tanggungjawab sebagai penyumbang utama data dalam sistem penarafan


kampus lestari yang antaranya ialah *Malaysia Research Assessment* (MyRA), *UI GreenMetric* (UIGM) *World University Rankings*, *Low Carbon Cities Framework* (LCCF), *Times Higher Education* (THE) *University Impact Rankings* - Sustainable Development Goals (SDGs).

UM Living Labs atau *University of Malaya Living Labs Grant Programme* (UM LLGP) mula diperkenalkan pada tahun 2015 dengan hasrat mengalakkan program penyelidikan berkonseptan ‘tindakan’ atau ‘action-oriented’ dan ‘translational research’. Pelaksanaan projek-projek UM Living Labs adalah berpandukan kepada lapan (8) bidang teras utama di dalam Pelan Pembangunan Eko-Kampus Universiti Malaya (mencakupi aspek-aspek berikut

- Pengurusan Biodiversiti dan Lanskap
- Pengurusan Sisa
- Pengurusan Air
- Pengurusan Tenaga
- Sistem Pengurusan Pengangkutan Bersepadu
- Inisiatif Perolehan Hijau
- Pengurusan Pendidikan - Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
- Pengurusan Perubahan - Tadbir Urus, Partisipasi dan Komunikasi

Secara praktikalnya, UM LLGP mengaplikasi teknologi serta kepakaran hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan bagi menyelesaikan masalah dan isu-isu berkaitan kelestarian kampus. Selain itu, UM LLGP turut memainkan peranan penting bagi membantu Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda Universiti Malaya (JPPHB UM) dalam menangani isu pengurusan teknikal, operasi dan infrastruktur kampus seperti pengurusan air, sisa, tenaga, biodiversiti dan lanskap kampus ke arah penterjemahan prestasi kelestarian UM yang lebih baik dan holistik. Melalui pendekatan ini, segala output yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik UM Living Labs dapat dimanfaatkan oleh JPPHB dan komuniti kampus khususnya dalam meningkatkan prestasi UM secara sistematis seiring dengan sasaran khusus (KPI) semua pihak.

Usaha untuk mentransformasikan UM sebagai ‘*the living laboratory*’ atau makmal kehidupan melalui UMLGP kini memasuki fasa ke-4 pada tahun 2018 dan sebanyak 45 program telah berjaya dilaksanakan dengan pelbagai hasil dan pencapaian dari segi penambahbaikan alam sekitar, sosial dan ekonomi telah berjaya ditunjukkan. Sehingga tahun 2018, UM LLGP berjaya membantu mengurangkan pembebasan gas rumah hijau (*Green House Gases* -GHGs) sebanyak 6,590,000 kg karbon dioksida sekaligus menyamai keuntungan monetari berjumlah RM 1,196,102. Selain itu, secara keseluruhan sebanyak RM312,661 kos pembayaran bil dan penyelenggaraan berjaya dijimatkan dengan adanya program UMLGP ini.



Pencapaian Program Penyelidikan UM Living Lab sepanjang 2017-2018

Usaha menambah baik sistem pengurusan kemudahan dan infrastruktur kampus dari semasa ke semasa memerlukan sumbangan dan sokongan yang berterusan daripada semua pihak termasuk fakulti, jabatan, kakitangan sekitar kampus dan turut tidak ketinggalan penglibatan aktif daripada pelajar kampus UM sendiri untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka dalam mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Objektif utama Sekretariat Eko-Kampus UM dalam mempraktikkan amalan terbaik bagi kelestarian kampus diaplikasikan melalui projek-projek penyelidikan UM Living Labs yang berkonseptan *translational-and-action research*. Rentetan itu, ia turut menjadikan UM sebagai universiti pertama yang mempelopori pendekatan seumpama ini di Malaysia dengan mengintegrasikan penyelidikan dan pembangunan yang bukan sahaja mampu menyelesaikan isu alam sekitar, malah dapat memenuhi keperluan komuniti

Agenda *Sustainable Development Goals* (SDGs) mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015 yang berkonseptan satu rangka pelan tindakan jangka masa panjang ke arah keamanan dan keharmonian manusia dan planet, pada masa sekarang dan pada masa hadapan. Agenda SDGs yang terdiri daripada 17 matlamat ini diaplikasikan secara meluas dalam kalangan Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seluruh dunia. Tuntasnya, agenda ini menyeru semua individu untuk memainkan peranan masing-masing dalam menangani masalah global, menjana sumber lestari secara berterusan agar dapat meningkatkan kualiti kehidupan di samping memastikan sumber yang sedia ada dapat digunakan oleh generasi akan datang.

UM turut menyumbang kepada Agenda SDGs, secara tidak langsung, sebagai satu inisiatif secara kolektif ke arah meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar terutamanya pembebasan karbon dan gas rumah hijau. Inisiatif ini tidak hanya tertumpu kepada sebahagian kawasan sahaja bahkan ia merangkumi seluruh kampus

yang berkeluasan 803.63 hektar ke arah menjadikan UM sebagai universiti model peneraju kelestarian kampus di Malaysia dan juga seantero dunia.

UM sebagai universiti penyelidikan utama yang terkemuka di Malaysia dan Asia turut tidak ketinggalan dalam menyertai platform kelestarian antarabangsa secara aktif yang dikenali sebagai Universitas Indonesia GreenMetric World University Rankings (UIGM). UI GreenMetric merupakan sebuah sistem penarafan secara tahunan yang dilancarkan pada tahun 2010 yang memfokuskan kepada isu, pencapaian dan inisiatif kelestarian kampus yang dipraktikkan di universiti seluruh dunia. UIGM ini berfungsi dengan menilai pencapaian sesebuah institusi pendidikan berdasarkan enam indikator iaitu Infrastruktur dan Lanskap, Tenaga dan Perubahan Iklim, Sisa, Air, Pengangkutan, dan Pendidikan serta Penyelidikan (Kelestarian dan Alam Sekitar).

Pada tahun 2018, UM berjaya menduduki tempat ke-36 sebagai Universiti Paling Lestari daripada 719 penyertaan universiti seluruh dunia dalam UIGM. UM turut merangkul tempat ke-11 Pengurusan Air Terbaik Dunia (*11<sup>th</sup> World's Best Water Management*) dan juga tempat ke-28 dalam kategori Pendidikan dan Penyelidikan - Kelestarian Terbaik Dunia (*28<sup>th</sup> World's Best Education and Research*) sekaligus melonjakkan nama UM di tempat pertama bagi kategori Universiti Pusat Bandar Paling Lestari di Asia dan Universiti ke-4 Paling Lestari di Asia.

UM Living Labs memainkan peranan sebagai kumpulan peneraju aktif utama inisiatif kelestarian kampus khususnya dalam memberi sumbangan separjang penubuhannya dalam menyokong penyertaan Universiti Malaya dalam pelbagai sistem penarafan prestasi berprestij pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti *Times Higher Education (THE) World University Impact Rankings* on Sustainable Development Goals, *International Sustainable Campus Network (ISCN)*, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)-Program Perintis Pengasingan Sisa di Punca (SAS), *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* (Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim), Audit Kampus Hijau (SWCorp), dan Penilaian Kualiti Rangkaian Universiti ASEAN (AUN-QA).



## 11.2 Pembentukan Kampus Pintar

Usaha ke arah membangunkan Kampus Pintar merupakan sasaran agenda transformasi digital yang berpaksikan pengguna. Ianya tetap diteruskan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan. Sehubungan itu, beberapa projek telah dilaksanakan dalam tahun 2018 untuk meletakkan pembangunan ICT di landasan tersebut. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah pelaksanaan aplikasi mudah alih, UM Mobile App yang boleh dimuat turun ke telefon pintar dan tablet. Aplikasi ini disasarkan kepada pelajar, kakitangan, alumni dan pelawat di mana ia memuatkan berita dan acara terkini, maklumat program/subjek, akaun pelajar, laluan/jadual bas, maklumat cuti/kehadiran dan lain-lain.

Selain itu, sistem bayaran tanpa tunai (*cashless*) juga turut dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada pelanggan untuk melicinkan proses bayaran dan membantu meningkatkan pendapatan Universiti. *UMPoint*, *e-Pay*, *e-Donation* adalah beberapa contoh aplikasi yang menyediakan fungsi bayaran tanpa tunai. Pelaksanaan Kampus Tanpa Tunai telah dimulakan pada 1 April 2018. Salah satu projek yang telah dilancarkan dengan jayanya adalah *Portal ePay*. Portal ini telah dibangunkan sebagai Portal one-stop center bagi semua jenis portal pembayaran di UM. Selain itu, semua pemegang taruh UM boleh menggunakan portal ini untuk membuat pelbagai jenis pembayaran secara atas talian. Pelaksanaan *eWallet* juga telah dimulakan dengan latihan dan analisa produk *eWallet*. Pelaksanaan sepenuhnya dijangka disempurnakan pada awal tahun 2019.

Penambahbaikan Sistem *UMPoint* adalah usaha untuk meningkatkan tahap kecekapan dan mengurangkan penyelewengan dalam pengurusan ruang. Sistem ini membolehkan pihak luar membuat tempahan fasiliti UM secara atas talian dan membuat bayaran menerusi kad kredit atau kad debit. Sistem tersebut juga diintegrasi sepenuhnya dengan Sistem Kewangan SAP (*Modul Account Receivable*) dan Sistem *e-Perolehan* bagi pembayaran honorarium kepada juruteknik. Pelbagai modul telah ditambahbaik dalam sistem supaya dapat digunakan bagi sebarang tempahan secara menyeluruh di semua PTj. Penggunaan sistem ini dapat menjana laporan secara *real time*.

Projek Internet-of-Things (IoT) juga turut dilaksanakan, antaranya *GPS-based Vehicle Tracking System*. Data raya yang bakal terhasil dari projek-projek sebegini membolehkan aktiviti penganalisan data ditingkatkan di masa hadapan bagi mendedahkan corak tersembunyi, korelasi yang tidak diketahui sebelum ini serta maklumat-maklumat lain yang berguna. Ini dapat membantu dalam meningkatkan keterlihatan tahap pengoperasian pelbagai bidang serta membolehkan Universiti dan pihak berkepentingan membuat keputusan berdasarkan data, dan seterusnya mendorong Universiti menaik taraf perkhidmatan dan kemudahannya agar UM terus beroperasi dengan mantap dan disegani di persada negara dan antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti lain bagi tujuan penaiktarafan dan pembangunan sistem aplikasi turut dilaksanakan bagi menyokong kemajuan dan keterlihatan Universiti serta memacu UM ke arah pembentukan Kampus Pintar. Antaranya:

- Penambahbaikan berterusan pengurusan platform laman web Universiti bagi memastikan penaraan *web visibility* (Webometrics) sentiasa berada pada tahap yang optimum. Laman web UM telah berjaya mengekalkan kedudukan teratas dalam kalangan universiti di Malaysia sejak dari Julai 2015 sehingga kini.

Malaysia						
Ranking	Name	Universitas	Visits	Citations	Downloads	Downloads
1	UM	University of Malaya	1,096	186,7	404	1,096
2	UoM	Universiti Malaysia Sarawak	1,052	178,6	38,0	267
3	UPM	Universiti Putra Malaysia	778	148,9	92,1	409
4	USM	Universiti Sains Malaysia	657	127,3	69,0	313
5	UTM	Universiti Teknologi Malaysia	462	106,5	18,4	83,0
6	UMT	Universiti Malaysia Terengganu	445	106,5	18,4	83,0

Sumber: <http://www.webometrics.info/en/Asia/Malaysia%20>

#### Kedudukan laman web UM dalam Webometric (Edisi Julai 2018)

- Pembangunan QR Code Attendance sebagai alternatif kepada Sistem eAttendance untuk tujuan merekod kedatangan staf. Aplikasi ini memudahkan urusan *clock-in* and *clock-out* tanpa memerlukan staf memasukkan *username* dan *password*.
- Penaiktarafan sistem kedatangan atas talian (Sistem eAttendance) kepada sistem baharu. Sistem kedatangan baharu telah dibangunkan semula dengan menyediakan fungsi sistem yang lebih menarik dan mesra pengguna.
- Penaiktarafan sistem eSkrol yang lama kepada sistem baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan skrol graduan UM. Skrol elektronik disediakan untuk graduan UM dengan ciri-ciri keselamatan seperti QR Code (*online* dan *off line*) dan tandatangan digital.
- Penaiktarafan modul Rekod Perkhidmatan dengan menstruktur semula skrin dan aliran proses sistem.

### 11.3 Pengurusan Elektrik

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) telah mewujudkan budaya penjimatan tenaga elektrik dalam kalangan komuniti kampus dengan jayanya hasil sokongan semua yang terlibat. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah:

- Pemantauan penggunaan tenaga elektrik di peringkat PTJ berdasarkan kepada bacaan meter-meter elektrik dalam kampus universiti dan juga bil-bil utiliti dari Tenaga Nasional Berhad (TNB);

- Pelarasan semula perkakasan-perkakasan elektrik dan juga sistem mekanikal seperti sistem penyaman udara; dan
- Hebah maklumat berkaitan jumlah penggunaan tenaga elektrik kepada PTJ dan warga kampus dari semasa ke semasa.

Hasil daripada inisiatif tersebut, UM telah berjaya membuat penjimatan tenaga elektrik sebanyak 2,809,854 kWh iaitu bersamaan dengan RM1,467,834.00 bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017.

**Jadual 11.1: Penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2018 dan 2017.**

Perkara	Tahun		Jumlah Penjimatan	
	2017	2018	Peratusan (%)	Jumlah
Penggunaan tenaga (KWh)	81,702,451	78,892,597	-3.44%	2,809,854 KWh
Kehendak maksima (KW)	238,324	229,119	-3.86%	9,205 KW
Bil utiliti dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) (RM)	35,150,296	33,682,462	-4.18%	RM1,467,834

### 11.4 Pengurusan Air

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Water Warriors di bawah seliaan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) juga tidak ketinggalan menjalankan kajian kualiti air di Tasik Varsity bagi memastikan kualiti air sentiasa berada di tahap selamat khususnya untuk kegunaan riadah staf, pelajar dan orang awam.

### 11.5 Pengurusan Sisa Pepejal

Sepanjang tahun 2018, secara purata sebanyak 16,805.92kg pelbagai jenis sisa makanan, bahan buangan dan juga barang kitar semula telah dikumpulkan. Komposisi sisa tersebut termasuklah sisa makanan yang dikompos, sisa makanan yang dicerna, sisa tanaman yang dikompos, sisa tekstil yang dikitar semula, sisa kayu untuk penjanaan tenaga dan barang lain yang boleh dikitar semula. Pihak Zero Waste Campaign (ZWC) bertanggungjawab dalam pengurusan sisa pepejal dari segi pengkomposan, pencernaan anaerobic, pemulihan tenaga dan kitar semula. Sisa tekstil seperti pakaian lama atau rosak dikumpul dan dikutip melalui tong khas yang disediakan oleh Syarikat Life Line Clothings untuk dikitar semula. Sisa kayu seperti perabot kayu yang rosak dan ranting besar dikutip oleh TSP Waste Management untuk kegunaan sebagai *boiler* di kilang kertas. Sisa elektronik dikutip untuk pemberaan atau pemulihan dan kitar semula separa oleh T-Pot Electrical and Electronic.

## 11.6 Lanskap dan Pembersihan Kawasan

Sungai Mustafa merupakan salah satu inisiatif pengindahan lanskap UM yang dilakukan oleh JPPHB. Projek ini terletak di antara Institut Asia Eropah (AEI) dan Kolej Kediaman Kelima. Projek yang menelan belanja sebanyak RM121,666.00 ini diharap berupaya menjadi tarikan penghuni kampus dan juga tempat pembiakan flora dan fauna yang akan digunakan oleh para penyelidik untuk tujuan penyelidikan masing-masing. The Rimba Project juga memainkan peranan penting dalam kelestarian kampus. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 173 jenis pokok buah-buahan dan tedyuan telah ditanam dan ditanda (*tagging*) di sekitar kawasan kampus.

Pada tahun 2018, sebanyak dua belas (12) tender dan sebutuharga bagi kerja pembersihan dan pencucian di seluruh kampus telah dijalankan bagi memastikan tahap kebersihan dalam kampus di tahap optimum. Manakala, sebanyak 411 tempahan peralatan majlis dan bunga untuk majlis-majlis rasmi anjuran Universiti, PTJ dan Persatuan Pelajar telah diuruskan pada tahun 2018. JPPHB juga menerima tempahan peralatan dan bunga daripada organisasi luar. Hasil daripada tempahan organisasi luar, JPPHB menerima pendapatan sebanyak RM73,588.00.

## 11.7 Pengurusan Harta

Daripada jumlah Peruntukan One-Off sebanyak RM500,000.00 yang telah diberikan pada tahun 2018, RM480,446.00 telah diagihkan bagi tujuan pembelian peralatan makmal atau pejabat dan pembelian kenderaan.

### Jadual 11.2: Agihan Peruntukan One-Off.

No.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Pembelian peralatan makmal/ pejabat	148,753.00
2.	Pembelian kenderaan	331,693.00
<b>Jumlah</b>		<b>480,446.00</b>

Dari segi pengurusan pelupusan harta atau aset, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2018 adalah sejumlah RM8,927,192.15.

### Jadual 11.3: Pelupusan harta.

No.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Pelupusan harta Universiti lebih daripada RM5,000.00 seunit	7,348,287.32
2.	Pelupusan harta Universiti kurang daripada RM5,000.00 seunit	1,578,904.83
<b>Jumlah</b>		<b>8,927,192.15</b>

Jumlah jualan aset inventori lups pada tahun 2018 adalah sebanyak RM77,582.43.

### Jadual 11.4: Jualan aset atau inventori lups.

No.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	E-Waste (as where is basis)	16,120.93
2.	Lain-lain peralatan secara sisa besi	11,292.00
3.	Pelbagai jualan pelupusan	400.00
4.	Kenderaan lups secara sebut harga (staf)	49,769.50
<b>Jumlah</b>		<b>77,582.43</b>

JPPHB turut menjana pendapatan sebanyak RM6,902,546.00 pada tahun 2018 melalui sewaan tapak atau ruang kepada pihak dalam dan juga luar Universiti.

### Jadual 11.5: Penjanaan pendapatan melalui sewaan tapak atau ruang.

No.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Telekomunikasi	1,153,830.00
2.	Mesin Automatik	119,970.00
3.	Bank/Mesin ATM/Komersil	328,026.00
4.	Papan Iklan	616,996.00
5.	Bangunan	4,683,724.00
<b>Jumlah</b>		<b>6,902,546.00</b>

# 12

## KEWANGAN

12.1 Prestasi Dan Laporan Kewangan Keseluruhan

12.2 Belanjawan

12.3 Kedudukan Kewangan

12.4 Penyata Kewangan



# Kewangan

## 12.1 Prestasi Dan Laporan Kewangan Keseluruhan

Penyata Kewangan Universiti Malaya (UM) bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah disediakan selaras dengan keperluan yang dinyatakan melalui PA 3.1 - Garis Panduan untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyata Kewangan UM adalah merupakan penyatuan dua entiti iaitu UM dan UM Holding Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat milik penuh UM.

Secara keseluruhannya, UM telah menguruskan operasi 2018 seperti yang dirancang walaupun berdepan dengan pengurangan geran daripada Kerajaan. Pengurusan kewangan yang berstrategik adalah petunjuk utama dalam menjamin kemampunan kewangan yang lestari menerusi budaya perbelanjaan berhemah dengan mengoptimumkan kos di samping mengekalkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Penjanaan pendapatan Universiti dipelbagaikan menerusi inisiatif akademik dan penyelidikan serta pengewangan aset seperti ruang, bangunan dan infrastruktur.

UM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima Sijil Tanpa Teguran daripada Ketua Audit Negara bagi

Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

## 12.2 Belanjawan

